

KAJIAN MENGENAI ASPEK 'RELATIVE DEPRIVATION'
DAN 'POLITICIZED DISCONTENT' DALAM KOMUNITI
LADANG GETAH SUNGAI BAGAN, MACANG, KELANTAN.

LATIHAN ILMIAH BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK IJAZAH
SARJANA MUDA SASTERA DALAM ANTROPOLOGI
DAN SOSIOLOGI.

OLEH:
NO. MATRIK 24621.

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
◆ KUALA LUMPUR
NOVEMBER 1976.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan kepada:-

- i) Encik Lim Mah Hui yang telah memberi segala rupa bentuk pertolongan dan panduan serta nasihat dari awal hingga keakhir kajian ini.
- ii) Anggota komuniti(responden) yang sudi memberikan kerjasama.
- iii) Pihak Ladang Getah Sungai Bagun, yang mana telah memberkenan kajian ini dijalankan.
- iv) Saudara Mohd. Nazari, yang telah memberi pertolongan dalam mengumpulkan data-data.
- v) Kawan-kawan seperjuangan yang lainnya.

Terima kasih.

November 1976

Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	iii
SENARAI RAJAH dan JADUAL	vi
BAB	
I PENDAHULUAN	I
Tujuan dan Bidang Kajian	I
Method, Teknik dan Masaalah Kajian	5
II LATAR BELAKANG KOMUNITI LADANG GETAH SUNGAI BAGAN.....	II
Latar Belakang Ilmu Alam.....	II
Organisasi Pentadbiran dan Struktur sosial.	14
Ekonomi dan Politik.....	15
Latar Belakang Pekerja Ladang.....	19
Tingkat Umur.....	19
Tingkat Pelajaran.....	21
Saiz Keluarga.....	23
Pekerjaan Utama.....	24
Pendapatan Bulanan.....	26
III MAKNA DAN PERANAN 'RELATIVE DEPRIVATION' DALAM KEKERASAN KOLEKTIF DAN POLITIK.....	29
Definisi 'Relative Deprivation' dan Lain-Lain Konsep yang Berhubungan.....	29
Sumber-Sumber RD.....	35
Pola-Pola RD Dalam Kekerasan Kolektif dan Politik.....	39
Decremental Deprivation.....	40
Aspirational Deprivation.....	41
Progressive Deprivation.....	42
Peranan RD Dalam Kekerasan Kolektif dan Kekerasan Politik.....	42

IV TINJAUAN RD PADA KOMUNITI LADANG GETAH	
SUNGAI BAGAN.....	50
Jangkaan Nilai Masa Hadapan(Jangkaan Umum).....	50
Pendapatan.....	51
Pendidikan.....	52
Politik	53
Aspirasi Antara Kedudukan Peribadi dan Negara.....	55
Pekerjaan.....	60
Kebolehan Nilai Masa Kini(Kebolehan Umum).....	63
Pendapatan.....	63
Pendidikan.....	64
Politik.....	65
Kedudukan Peribadi.....	67
Relative Deprivation(RD).....	69
Pendapatan.....	70
Pendidikan.....	71
Politik.....	72
Kedudukan Antara Peribadi dan Negara.	73
Perbincangan Umum Mengenai Ketidak Puasan Hati dan Kemarahan(Discontent).	76
Hubungan RD Dengan Ketidak Puasan Hati Serta Kemarahan yang Di Politikkan....	80
V PENUTUP DAN KESIMPULAN.....	88
Lampiran.I.....	93
Bahan Rujukan.....	104

SENARAI RAJAH

<u>Rajah</u>	Halaman
I. Model Sebab-Musabab dan Penentu-Penentu Asas dan Sampingan 'Magnitude' Kekerasan Politik.....	4
2. Decremental Deprivation.....	40
Aspirational Deprivation.....	41
3. Progressive Deprivation.....	42

SENARAI JADUAL

Jadual

I. Harga Barang-Barang Dalam Jangkaan 5 Tahun.....	17
2. Tingkat Umur Responden.....	19
3. Jumlah Orang atau Keluarga yang Berpindah.....	21
4. Tingkat Pelajaran Responden.....	21
5. Saiz Keluarga Responden.....	24
6. Pembahagian Pekerjaan Responden Dalam Ladang.....	25
7. Pendapatan Responden.....	26
8. Jangkaan Nilai Pendapatan yang Sepatutnya Didapati Oleh Responden Dimasa Akan Datang.....	51
9. Peringkat Pendidikan yang Patut Dicapai Oleh Anak-anak Responden Pada Masa Hadapan.....	52
10. Jangkaan Responden Untuk Terlibat Dalam Politik Negara.....	53
II. Jangkaan Untuk Terlibat Dalam Politik Tempatan.....	54

I2. Peratus 'Rating' Kedudukan Personal Tiap-tiap Tangga Bagi Responden.....	56
I3. Peratus 'Rating' Kedudukan Negara Tiap-tiap Tangga Bagi Responden.....	57
I4. Jangkaan Keutamaan Nilai Aspirasi Responden.....	58
I5. Jarak Pencapaian Aspirasi Responden.....	59
I6. Penentu Pencapaian Responden.....	60
I7. Jawapan Responden Tentang Adakah Cadangan Untuk Mencari Kerja yang Lebih Baik.....	61
I8. Kebolehan Nilai Responden Dalam Nilai Pendidikan Anak-anak Mereka.....	64
I9. Kebolehan Nilai Untuk Terlibat Dalam Politik Negara.....	65
20. Kebolehan Nilai Responden Untuk Terlibat Dalam Politik Tempatan.....	66
21. Keadaan Kedudukan Peribadi Responden Pada Masa Sekarang.....	68
22. Peratus Kadar RD Responden Dari Segi Pendapatan.....	70
23 Peratus RD Responden Dalam Aspek Pelajaran (Pendidikan).....	72
24. Peratus RD Responden Dalam Kegiatan Politik Nasional dan Tempatan.....	72
25. Kadar Perubahan 'Mean Rating' Dalam Ke- dudukan 'Personal' dan Kedudukan Negara....	74
26. Jawapan 37 Orang Responden Mengenai Hal- hal yang Berhubungan Dengan Ketidak Puanan Hati.....	76
27. Jawapan Responden Terhadap Anggaran Pendapatan Bulanan Pemilik Kilang dan Perniagaan yang Besar.....	78
28. Jawapan Responden Terhadap Perbedaan Pendapatan Mereka Dengan Pemilik-pemilik Kilang dan Perniagaan Besar.....	79

29. Jawapan Responden Terhadap Tindakan yang Akan Diambil Untuk Menyelesaikan Masaalah yang Dihadapi.....	82
30. Masaalah Besar yang Dihadapi Oleh Negara Sekarang.....	84

BAB I

PENDAHULUAN.

I. TUJUAN DAN BIDANG KAJIAN.

Sekarang ini disetiap penjuru dunia mana pun, kita dapat banyak pelakuan-pelakuan atau perbuatan-perbuatan yang mengandungi dan melibatkan unsur-unsur kekerasan, dilakukan oleh individu-individu manusia, khususnya secara berkumpulan bagi mencapai matlamat yang dikehendaki.

Satu aliran pemikiran menunjukan dengan jelas akan hubungan phenomena-phenomena ini dengan konsep 'Relative Deprivation'. Phenomena yang sedemikian ini terjadi adalah kerana terdapat sekelompok individu manusia dapat melihat, berfikir serta membandingkan keadaan diri mereka secara relatif dengan keadaan kehidupan kumpulan atau golongan individu-individu manusia lain. Perbedaan secara relatif inilah yang akan mempengaruhi, menjadi petunjuk(indicator) dan menimbulkan perasaan(emosi), dan sentimen-sentimen psikologikal seperti tidak puas hati, kekecewaan, kemarahan, sifat meradang(aggression) dan sebagainya dikalangan individu-individu manusia.

Keujudan perasaan-perasaan tadi telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji untuk mengetahui setakat manakah kadar perasaan-perasaan itu seperti ketidak puasan hati atau kemarahan, yakni sama ada rendah atau tinggi. Mereka juga meniliti adakah perasaan-perasaan itu dapat mempengaruhi secara langsung atau tidak langsung bagi individu-individu manusia untuk melaku-

kan atau bertindak secara kekerasan atau tidak. Hal ini akan berlaku apabila terdapat sekelompok manusia gagal untuk mencapai matlamat atau kehendak-kehendak yang mempunyai jangkaan-jangkaan nilai sosial, ekonomi, politik dan lain-lain dengan nilai kebolehan mereka. Keadaan seperti ini akan menimbulkan unsur-unsur 'Relative Deprivation' dikalangan kumpulan-kumpulan manusia yang gagal memenuhi jangkaan-jangkaan nilai yang diperlukan dengan nilai kebolehan atau keupayaan yang terdapat pada mereka.

Ted Robert Gurr menggolongkan pelakuan kekerasan kepada 3 jenis secara umumnya iaitu "turmoil, conspiracy and internal war".¹ Tindakan-tindakan seperti ini timbul adalah semata-mata kerana ingin mencapai matlamat-matlamat dan keperluan-keperluan secara menyeluruh atau sebahagian sahaja. Dengan melihat pada banyaknya jenis pelakuan kekerasan yang berbeda-beda inilah, penulis cuba menjalankan penyelidikan terhadap persoalan-persoalan 'relative deprivation', sama ada terdapat atau ujud dikalangan komuniti ladang getah yang dipilih sebagai objek kajian.


Dalam kata lain, penulis juga membuat penelitian tentang matlamat-matlamat yang bernilai tinggi hendak dicapai oleh anggota komuniti, dan juga setakat manakah kebolehan nilai mereka untuk mencapai kehendak-kehendak tersebut. Berhubungan dengan ini, penulis meneliti timbul atau tidaknya perasaan-perasaan tidak puas hati, kekecewaan, tidak bahagia, merasa ditindas dan sebagainya dengan keadaan atau kedudukan komuniti tersebut. Selanjutnya, jika ujud perasaan-perasaan itu di-

kalangan anggota komuniti ladang getah tersebut, penulis juga mengkaji apakah tindakan-tindakan yang mungkin akan diambil oleh mereka untuk mengatasi masalah-masalah itu. Adakah mereka sanggup melakukan mogok, demonstrasi, boikot, 'strike' atau ingin melakukannya dengan lebih ekstrim lagi yakni non-berontak atau melawan badan-badan tertentu dengan kekerasan seperti 'rebellion' atau revolusi bagi mencapai kehendak-kehendak mereka.

Selain daripada itu, penulis cuba mendapatkan apakah faktor-faktor dan angkubah-angkubah yang mempunyai saling hubungan serta memainkan peranan penting dalam konsep 'relative deprivation'. Dan adakah keujudan 'relative deprivation' akan menyebabkan komuniti itu bersikap pasif, neutral atau positif untuk mengambil dan menjalankan sesuatu tindakan. Persoalan-persoalan bukanlah hanya dihadapi pada perkara-perkara yang berhubungan dengan politik sahaja, malahan penulis juga menyentuh keadaan-keadaan sosial, ekonomi dan psikologikal dikalangan anggota komuniti, yakni meliputi secara keseluruhannya sistem kehidupan komuniti ladang getah itu. Jadi penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengetahui dan mengkaji pelakuan-pelakuan serta aktiviti-aktiviti komuniti ladang getah yang timbul berhubungan dengan konsep 'relative deprivation'.

Secara mudahnya, segala isu-isu yang akan dibincangkan oleh penulis adalah seperti mana yang ditunjukkan oleh rajah I.

Rajah I: Model sebab-masalah dan penentu-penentu
asas dan sampingan 'magnitude' kekerasan
politik.²



Dengan berpendukung pada rajah ini, penulis akan menguraikan secara lengkap dan umum tentang perhubungan antara angkubah-angkubah psikologikal dengan kemasyarakatan dalam proses keujudan kekerasan kolektif dan politik umumnya dan 'relative deprivation' khususnya. Jadi penekanan yang ditumpukan dalam

kajian ini ialah kertas persepsi 'deprivation' dimana seseorang itu mungkin merasa ''deprived' dengan jangkaan dan kebolehan nilai dalam kehidupannya.

2. METHOD, TEKNIK DAN MASAALAH KAJIAN.

Kawasan yang dipilih untuk kajian ialah LADANG GETAH SUNGAI BAGAN, terletak lebih kurang 20 batu dari Kota Baru, ibu negeri Kelantan. Ladang ini adalah dibawah pentadbiran badan swasta HARRISON & CROSFIELD yang berpusat di Kuala Lumpur dan mempunyai cawangan diseluruh dunia. Ladang ini merupakan yang kedua besarnya di Kelantan. Berbeda dengan ladang-ladang getah dilain-lain negeri di Malaysia, ialah keseluruhan pekerjaannya (boroh) adalah daripada pekerja-pekerja Melayu kecuali dalam organisasi pentadbiran dimana terdapat beberapa jawatan dipegang oleh bangsa asing(Cina dan India) seperti pengurus dan ketua bahagian.

Oleh kerana penyelidikan ini hanyalah ditumpukan kepada keadaan hidup pekerja-pekerja(boroh), penulis tidak menghadapi apa-apa masalah dari segi komunikasi dalam mengemukakan soalan-soalan untuk mengetahui pendapat-pendapat dan jawapan-jawapan mereka bagi menjayakan penyelidikan ini. Masalah yang timbul hanyalah kurang pemahaman responden-responden terhadap pertanyaan-pertanyaan yang diajukan(kemukakan), oleh kerana kebanyakkan mereka hanya mempunyai latar belakang pelajaran yang rendah. Jadi, untuk mengelakkan masalah ini, penulis terpaksa mengemukakan bentuk-bentuk soalan tadi dengan gaya bahasa yang mudah dan lebih bercorak 'informal'.

Selain daripada menakai konsep relative deprivation, penulis mengumpulkan dan mendapatkan butir-butir dan data-data mengenai pendapat dan sikap mereka terhadap pentadbiran yang dijalankan oleh majikan, dasar pemerintahan kerajaan, dan juga keadaan hidup mereka. Segala persoalan adalah merangkumi dan berpusat pada perkara adakah mereka merasa punya hati atau tidak dengan keadaan itu, yang mana penilitian dan pengamatan ditumpukan terhadap faktor-faktor dan angkubah-angkubah yang memainkan peranan kearah timbulnya keadaan 'relative deprivation'.

Penulis menghubungi secara langsung(first hand) dan tinggal bersama-sama anggota komuniti tersebut(participant observation). Dalam menyelenggarakan kajian ini, penulis telah menghubungi seramai 37 orang pekerja dalam komuniti itu untuk memperolehi data-data. Penilitian ini merupakan suatu pemerhatian yang lebih objektif, kritis, terus menerus mengenai sesuatu persoalan dan tindakan-tindakan yang harus dilaksanakan se-lanjutnya. Pengamatan ini terdiri daripada pengumpulan data, kemudian mengadakan analisa dan menganalisis sedemikian rupa agar dapat digunakan sebagai dasar pengambilan keputusan dalam lapangan kehidupan seperti misalnya dari segi sosial, ekonomi, politik dan sebagainya.

Setelah memberi huraian sedikit mengenai pengertian daripada penilitian, penulis cuba pula untuk melengkapinya bahar-bahan yang harus dipenuhi iaitu dengan jalan mengumpulkan dan mengarahan wawancara(interview) serta mengajuken daftar-daftar

pertanyaan (questionnaires) kepada responden-responden yang dipilih sebagai 'sample'. Pertanyaan-pertanyaan tentang masalah-masalah yang ada hubungan dan kaitannya dengan aspek 'relative deprivation' diajukan pada responden-responden tersebut. Semua bahan-bahan ini yang penulis dapat kemudian diperbandingkan dengan teori-teori dan hipotesa-hipotesa (hypothesis) dari beberapa buah buku wajib, laporan-laporan, dan makalah-makalah yang banyak memberi pertolongan kepada penulis.

Method yang telah digunakan oleh penulis dalam penelitian kajian ilmiah ini adalah antara lainnya ialah:-

- i. Kajian Luar (field research); disini bererti penulis lakukan secara langsung dikelangan objeknya, untuk memperolehi data esa dengan menghubungi anggota komuniti ledang itu khususnya ketua keluarga dengan mengadakan wawancara, soal-selidik dan mengukurkan daftar-daftar pertanyaan.
- ii. Rujukan Perpustakaan; iaitu dengan cara membaca buku-buku teks yang ada hubungannya dengan jodol atau tejuk, majalah-majalah, dan bahan-bahan lain seperti 'essays', monographs', diskusi dengan teman-teman yang sudah berpengalaman, sebagai melengkapi penyusunan kajian ilmiah ini.

Dalam penyusunan kajian ini juga, secara sistematis penulis mengadakan pembahagian beberapa bab, daripada bab I hingga bab V, serta dilengkapi dengan daftar-daftar isi, perpustakaan dan jadual-jadual untuk mempermudahkan pembaca mengikutinya. Pembahagian tersebut adalah seperti berikut:-

BAB I: PENDAHULUAN.

Dalam bab ini penulis membahas tentang pokok kajian yang merupakan titik-tolak pembahasan selanjutnya, sesuai dengan jadual yang akan dibahas dalam kajian ini. Dilengkapi dengan pengertian method penelitian yang penulis gunakan, untuk pengumpulan data yang konkret, dan berhubungan langsung dengan masalah pokok kajian. Untuk bab-bab berikutnya penulis kemudahan persoalan-persoalan dan keterangan-keterangan sebagai langkah untuk menyempurnakan kajian ini.

BAB II: TINJAUAN UMUM MENGENAI LATAR BELAKANG KOMUNITI LADANG GETAH SUNGAI BAGAN.

Dalam bab ini penulis menghuraikan serta memberi gambaran tentang latar belakang komuniti, yang meliputi huraian mengenai keadaan hidup dan aktiviti-aktiviti anggota komuniti tersebut dari segi sosial, ekonomi, politik dan sebagainya.

BAB III: MAKNA DAN PERANAN 'RELATIVE DEPRIVATION'.

Dalam bab ini penulis akan menghuraikan makna dan pengertian 'relative deprivation', dan lain-lain konsep, anggaran dan faktor-faktor yang berhubungan dengan konsep esas ini seperti sumber-sumber yang menimbulkan 'relative deprivation'. Penerangan juga akan dihuraikan mengenai hubungan antara faktor-faktor yang menimbulkan bentuk kekerasan oleh kumpulan sama ada untuk kepentingandan motif bagi kumpulan

(kolektif) atau politik dengan 'relative deprivation', pola-pola dan model 'relative deprivation', peranan serta ruang-lingkup(scope) 'relative deprivation' dan akhirnya perspektif 'relative deprivation' kepada kekerasan kolektif dan politik.

BAB IV: TINJAUAN 'RELATIVE DEPRIVATION' DALAM KOMUNITI LADANG GETAH SUNGAI BAGAN.

Dalam bab ini penulis menerangkan serta menghuraikan perhubungan 'relative deprivation' dengan keadaan hidup anggota komuniti tersebut, yang merupakan issue esas pembahasan kajian ini. Penganalisaan juga diperhatikan terhadap keadaan-keadaan sosio-ekonomi, politik dan psikologikal anggota komuniti yang mempunyai perkaitan atau menimbulkan 'relative deprivation' dan kemudiannya akan menentukan serta mempengaruhi tindakan-tindakan dan sikap anggota komuniti itu dalam sistem kehidupan mereka.

BAB V: PENUTUP DAN KESIMPULAN.

Sebagai penutup atau bab yang terakhir ini, penulis akan membuat beberapa kesimpulan berdasarkan pernilaian penulis pada bab-bab sebelumnya. Kemudian berdasarkan kesimpulan tersebut, penulis akan memberikan beberapa saran-saran.

1) Gurr, R. T., "Why Men Rebel", Princeton University Press,
New Jersey, 1971, muka surat II.

2) Gurr, R. T., *Ibid*, muka surat 320.

Berdasarkan teori ini, bahwa faktor-faktor yang berdampak terhadap pergerakan massa adalah geografi, benturan kejaraan, serta struktur sosial, ekonomi dan politik anggota komuniti dikawasan kejaraan itu.

a) Latar Belakang Dua Aliran

Ladung batubara di dalam tanah kita tidak selalu ditemui bersamaan, yang merupakan sifat umum pada lingkungan hidup sebelah dengan kawasan ini. Persebaran kawasan-kawasan (komunitas) di antara kawasan ini dengan bantuan kereta api masih mudah ketemu sekarang dalam rayu. Dipastikan itu terwujud banyak sekali jalanan-jalanan kecil yang dibina dengan wujud-tanah merah bagi kawasan-kawasan pengangkutan dan komunikasi dalam kawasan ladung ini.

Dari sisi pola penempatan anggota komuniti, kawasan ini mempunyai dua buah ranah kediaman (bersekut) yang disediakan khusus oleh para ladung bagi templer tinggal anggota komunitinya. Selanjutnya Kawasan ini dilalungi oleh kampung-kampung Melayu yang lain ditimpak-pitak penjuru seperti Kampung Jel, Kampung Pol Gombak dan lain-lain. Walaupun begitu pun ilmu alam dimana mereka buah kampung dengan kampung yang lain dan berkesinambungan kawasan ladung ini tidak jelas. Kacauan anggota komuniti (penempatan) dalam ladung ini lebih kurang 2 kali perseri sebaiknya dimulai serta mempunyai jumlah penduduk tidak lebih dari

BAB II

LATAR BELAKANG KOMUNITI LADANG GETAH SUNGAI BAGAN.

Dalam bab ini akan dibicarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan keadaan sekeliling dan kedudukan geografi kawasan kajian, serta struktur sosial, ekonomi dan politik anggota komuniti dikawasan kajian ini.

a) Latar Belakang Ilmu Alam.

Ladang Getah Sungai Bagan ini terletak dalam daerah Macang, yang merupakan pusat bandar yang paling hampir sekali dengan kawasan ini. Perhubungan lalu-lintas(komunikasi) diantara kawasan ini dengan bandar tersebut adalah mudah kerana adanya jalan raya. Disamping itu terdapat banyak sekali jalan-jalan kecil yang dibina dengan tanah-tanah merah bagi kemudahan sistem pengangkutan dan komunikasi dalam kawasan ladang ini.

Dari segi pola penempatan anggota komuniti, kawasan ini mempunyai 37 buah rumah kediaman(barrack) yang disediakan khas oleh pihak ladang bagi tempat tinggal anggota komunitinya. Selanjutnya kawasan ini dikelilingi oleh kampung-kampung Melayu yang lain ditiap-tiap penjuru seperti Kampung Joh, Kampung Pak Gombak dan lain-lain. Walaupun ilmu alam diantara satu buah kampung dengan kampung yang lain dan berhampiran dengan kawasan ladang ini tidaklah jelas. Kawasan anggota komuniti (penempatan) dalam ladang ini ialah lebih kurang 2 batu persegi sahaja luasnya serta mempunyai jumlah penduduk tidak lebih dari

SEKIL:

1 cm.=8 batu

24 Batu




1. TUMPAT
2. KOTA BARU
3. BACHOK
4. PASIR MAS
5. TANAH MERAH
6. MACHANG
7. PASIR PUTEH
8. ULU KLN.

----- SEMPADAN DAERAH
//\ KAWASAN KAJIAN

PETA I: DAERAH-DAERAH DALAM NEGERI KELANTAN.

PETA 2: LADANG GETAH SUNGAI BAGAN, MACHANG, KELANTAN.



500 orang. Oleh itu taburan penduduk dalam komuniti ini adalah terlalu kecil dan sedikit sahaja. Oleh hal yang demikian juga, penulis dapati anggota-anggota dalam komuniti ini mempunyai perhubungan persemukaan yang erat(*face to face*), saling kenal mengenal antara satu sama lain dan mempunyai semangat kekitaan (*esprit de corps*) yang ekslusif kini dikalangan mereka.

Ladang Getah Sungai Bagan adalah dibawah pemilikan firma Harrison & Crosfield. Firma ini telah bertahun-tahun menjalankan dalam bidang pelaburan dan penanaman serta perusahaan getah khususnya, juga telah menikmati keuntungan yang banyak dari hasil-hasil ini. Selain daripada ladang ini, firma ini juga memiliki banyak lagi ladang-ladang getah dan bahan-bahan pertanian yang lain seperti kelapa sawit seperti mana yang terdapat di Selangor, Perak, Johor, Negeri Sembilan dan lain-lain negeri di Malaysia. Boleh dikatakan keseluruhan kawasan ladang Sungai Bagan ini telah ditanam dengan getah. Oleh itu getah merupakan tanaman yang penting sebagai 'cash crop' dikawasan ini. Luas keseluruhan kawasan ladang getah ini ialah lebih kurang 4,000 ekar dan ianya telah dibahagi-bahagikan kepada 29 buah kebun(field). Tiap-tiap satu kebun itu pula dipecah-pecahkan kepada beberapa bahagian kecil dimana seseorang penoreh dikehendaki menoreh sebanyak 200 hingga 250 pokok getah dalam sehari.

Oleh kerana taburan penduduknya kecil, maka luas kawasan yang dikhaskan untuk tempat kediaman anggota-anggota komuniti ini juga kecil. Kawasan ini merupakan kawasan tanah rendah terletak berhampiran dengan Sungai Kelantan, dan diguna-

kan untuk didirikan rumah atau berek oleh pihak ladang. Ke-banyakken rumah-rumah(berek) didirikan berdekatan antara satu sama lain mengikut bentuk dan pelan yang telah disediakan oleh pihak ladang. Dalam pada itu juga, pihak ladang telah me-nyediakan kemudahan -kemudahan lain untuk kegunaan anggota komu-niti ini seperti api elektrik dan bekalan air yang dikeluarkan sendiri oleh pihak ladang itu. Penggunaan elektrik dan air ter-sebut adalah diberikan secara percuma tanpa apa-apa bayaran pun.

Berbeda dengan rumah-rumah berek ini ialah rumah-rumah yang diduduki oleh individu-individu yang memegang jawatan penting . seperti pengurus, penolong pengurus, merinyu, pegawai perubatan dan ketua mandur. Rumah-rumah mereka dibina berasingan dan keadaannya lebih elok dan besar daripada rumah-rumah anggota komuniti lain yang menjadi pekerja biasa. Selain daripada ini, pihak ladang juga telah mendirikan satu buah pejabat, dun buah kilang, empat buah rumah asap dan semua ini adalah untuk kemudahan bagi pentadbiran dan memproses getah dalam ladang ini. Kemudahan-kemudahan lain yang telah disedia-kan untuk anggota-anggota komuniti ladang ini ialah sebuah kedai Syarikat Kerjasama dan Serbaguna yang menjual barang-barang ke-perluan untuk pekerja-pekerja ladang ini, sebuah pusat kesihatan kecil(dispensary) yakni kemudahan perubatan bagi pekerja, sebuah madrasah(surau) untuk upacara-upacara keugamaan dan sebuah padang permainan.

b) Organisasi Pentadbiran dan Struktur Sosial.

Ladang Getah Sungai Bagan ini adalah dibawah pentadbiran seorang pengurus yang telah ditugaskan oleh firma Harrison & Crosfield. Pengurus adalah bertanggung jawab terhadap perkara-perkara yang berhubungan dengan ladang ini misalnya tentang pengeluaran getah, masaalah pekerja dan lain-lain. Beliau juga bertanggung jawab dalam menyelesaikan apa-apa masaalah yang timbul dikalangan pekerja-pekerjanya. Selain daripada jawatan pengurus, jawatan-jawatan penting lain dalam organisasi pentadbiran ladang ini ialah penolong pengurus, merinyu, ketua kerani, pegawai perubatan dan beberapa orang mandur. Antara mereka ini pula akan dipilih oleh pengurus untuk menjadi ahli dalam satu badan yang dikenali sebagai 'pihak berkuasa ladang' bagi mengurus dan melicinkan hal ehwal dan perkara-perkara yang berhubungan dengan masaalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja. Ahli-ahli badan ini sering mengadakan mesyuarat dan dialog dengan pihak pentadbiran khususnya pengurus bagi membincangkan issue-issue yang berhubungan dengan kegiatan ladang dan anggota komunitinya.

Sebahagian besar penduduk-penduduk dalam komuniti dalam ladang getah ini terdiri daripada orang-orang Melayu. Secara umumnya dalam kehidupan sosial dikalangan anggota komuniti ini masih kelihatan ciri-ciri yang 'simple' baik dari segi pembahagian klas sosial, fungsi sosial dan pembahagian tenaga kerja. Menyentuh tentang perhubungan sosial dalam komuniti ladang ini masih terdapat ciri-ciri perpaduan makanikal(mechanical solidarity) seperti yang dibayangkan oleh Durkheim,^I atau pun ciri 'corporateness' yang terdapat dalam masyarakat 'gemeinschaft'

yang digambarkan oleh Tonnies.² Umumnya dalam kehidupan sosial komuniti ini masih terdapat keseragaman dalam aspek sikap, perlakuan, nilai, ketiaatan kepada tradisi, kepercayaan keugamaan baik dalam bentuk magis atau agama.

c) Ekonomi dan Politik.

Umumnya keseluruhan penduduk-penduduk dalam komuniti ini bekerja sebagai boroh ladang. Sebagai sebuah ladang getah sudah tentulah ekonominya bergantung sepenuhnya pada bidang pertanian dimana getah merupakan tanaman 'cash Crop' yang terpenting. Namun begitu pekerja-pekerja diladang ini mencurahkan tenaga mereka untuk menghasilkan keuntungan yang banyak pada firma asing ini yang menjalankan pelaburan dalam ladang ini. Sementara itu pekerja-pekerja hanya dibayar dengan gaji yang rendah sahaja. Kebanyakan pekerja-pekerja memulakan pekerjaan mereka pada waktu pagi umumnya menoreh getah. Manakala disebelah petangnya, setengah-setengah daripada mereka menumpukan tenaga mereka untuk bercocok tanam disekitar kawasan tanah kosong yang berhampiran dengan rumah(berek) mereka. Disamping bercocok tanam, mereka juga bekerja sambilan seperti berternak ayam itik, lembu dan kambing. Perniagaan binatang-binatang dan bercocok tanam ini bukanlah untuk perniagaan, cuma untuk kegunaan sendiri dan sebagai tambahan wang dalam waktu kesempitan.

Memandangkan kepada jenis pekerjaan yang mereka lakukan, maka pendapatan mereka sudah semestinya rendah. Dengan

pendapatan yang rendah mereka tidak dapat menyimpan wang lebihan, dan dengan itu mereka tidak dapat menokok tambah harja mereka. Keadaan ini boleh dikatakan telah menyebabkan sebilangan besar daripada mereka hidup dalam kemiskinan. Kebanyakan pendapatan ketua-ketua keluarga ialah diantara \$50.00 hingga \$200.00 sebulan. Tambahan pendapatan dikalangan anggota komuniti ini terletak pada naik turunnya harga getah dipasaran. Oleh sebab pendapatan yang begitu rendah, aspek ekonomi mereka bolehlah dikatakan bercorak 'subsistence' iaitu ekonomi secukup makan sahaja tanpa apa-apa lebihan yang dapat disimpan.

Tidak terdapatnya wang lebihan yang banyak untuk disimpan ialah kerana kebanyakan hasil pendapatan itu digunakan untuk membeli barang-barang keperluan asas seperti beras, gula, minyak masak, pakaian dan barang-barang lain. Oleh kerana harga barang telah naik dari setahun kesetahun, didapati hasil pendapatan mereka semakin tidak mencukupi. Malahan pula harga getah adalah tidak berapa tetap kedudukannya dipasaran. Jadi; secara keseluruhannya hasil pendapatan komuniti ini adalah tidak mencukupi. Wang pendapatan mereka umumnya dibelanjakan untuk membeli barang-barang keperluan seperti yang terdapat dalam jadual I:-

Jadual I: Harga barang-barang dalam jangka masa 5 tahun. #

Jenis barang	Tahunan dan Bulanan									
	1971		1972		1973		1974		1975	
	Jan.	Jun.	Jan.	Jun.	Jan.	Jun.	Jan.	Jun.	Jan.	Jun.
Beras	\$1.60	1.60	1.50	1.50	1.75	1.75	3.25	3.25	2.90	2.60
Gula	\$0.40	40	50	50	45	45	50	50	60	65
Minyak (masak)	\$0.60	60	70	70	60	70	1.90	1.90	1.40	80

Sumber: Kedai Syarikat Kerjasama Serbaguna Ledang Getah Sungai Bagan.

Dari jadual diatas, kita dapatkan bahawa harga barang-barang telah meningkat dari setahun kesetahun khususnya harga beras dan minyak masak. Harga yang paling tinggi bagi beras dan minyak masak ialah dalam tahun 1974 - 2 kali ganda dari harga dalam tahun 1971. Kenaikan harga barang dalam tahun ini adalah kerana negara mengalami inflasi. Kemudiannya dalam tahun 1975 harga barang-barang keperluan itu mulai menurun sedikit demi sedikit. Kenaikan harga barang-barang dalam tahun ini juga telah mensambahkan lagi kesusaahan anggota komuniti, kerana perbelanjaan mereka telah bertambah sedangkan pendapatan adalah tidak berubah.

Menyentuh tentang kegiatan politik di kalangan anggota komuniti ini, ianya begitu mudah sekali organisasinya jika dibandingkan dengan tempat-tempat lain. Keseluruhan anggota komuniti ini, menyokong kuat parti 'Barisan Nasional'. Jadi

Harga barang-barang adalah bagi tiap-tiap satu gentang dan kati.

tidak terdapat pertikaian atau pertandingan politik antara penyokong parti pemerentah dengan penyokong parti pembakang. Ada juga anggota dan anggota komuniti yang melibatkan diri kedalam persatuan-persatuan parti politik misalnya menjadi ahli dalam persatuan Pemuda UMNO(PERIKATAN). Lazimnya kebanyakannya daripada mereka tidak memegang apa-apa jawatan penting dalam pertubuhan parti, hanya setakat menjadi ahli biasa parti dengan membayar yuran bulanan sahaja.

Dari segi ekologinya, komuniti ladang ini tidak ujud seba gai kawasan yang terpencil dan terpisah dari anak-anak perubahan yang berlaku dipusat bandar. Pembawa perubahan adalah terdiri daripada anggota komuniti sendiri yang sentiasa keluar-masuk dari kawasannya kebandar dan sebaliknya. Oleh yang demikian terdapat sedikit demi sedikit pengenalan unsur-unsur baru dalam kehidupan komuniti tersebut samada unsur-unsur kebendaan atau-pun bukan kebendaan. Umpamanya alat-alat moden yang didatangi dari bandar sudah mula memainkan peranan untuk mengubah kehidupan komuniti dikawasan ladang getah ini, dan juga untuk dijadikan simbol 'status' pada sebilangan famili dikawasan tersebut. Alat-alat yang dimaksudkan itu yang telah dippunyai ialah seperti radio, talivisyen, motosikal dan alat-alat perhiasan rumah yang agak elok juga. Disamping itu penduduk dalam komuniti ladang ini tidak juga ketinggalan daripada menerima kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti sekolah untuk pendidikan anak-anak mereka dan juga anak-anak penduduk kampung yang berhampiran, projek-projek pertanian seperti penternakan lembu pawah, pemberian biji benih dan baja-baja kimia untuk bercocok

tanam. Dari kajian yang telah dijalankan hampir keseluruhan rumah-rumah yang ditemui ada mempunyai kemudahan-kemudahan ini.

d) Latar Belakang Pekerja Ladang.

Dalam bahagian ini akan diterangkan latar belakang keadaan kehidupan pekerja dalam komuniti ladang getah ini berdasarkan pada sample 37 orang ketua keluarga yang telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Aspek-aspek yang diperbincangkan adalah meliputi tingkat umur, tingkat pelajaran, bilangan anggota keluarga, pekerjaan utama dan pendapatan bulanan para pekerja. Untuk pengetahuan umum kesemua mereka ini terdiri daripada orang-orang Melayu.

i) Tingkat Umur.

Dari 37 orang pekerja ladang getah yang dikaji, terdapat perbezaan yang jelas dalam umur dikalangan mereka, sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 2.

Jadual 2: Tingkat umur responden.

<u>Klas umur</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
20-30	3	8.1
31-40	17	45.9
41-50	15	40.5
50 keatas	2	5.4
Jumlah	37	100

Dari jadual 2 diatas, didapati pekerja-pekerja ladang yang dikaji berasa dalam lingkungan pertengahan umur 31 hingga 40 tahun,

yang sebanyak 45.9%. Manakala 40.5% pulsa berada dalam lingkungan umur antara 41 hingga 50 tahun. Sementara pekerja-pekerja didalam lingkungan umur 50 kentas cuma 5.4% sahaja. Pekerja yang dibawah umur 30 tahun hanya beberapa orang sahaja, iaitu seramai 8.1%. Ini adalah kerana kebanyakannya mereka lingkungan umur ini telah meninggalkan komuniti dan berhijrah ke bandar-bandar bekerja makan gaji.

Para pekerja yang didalam peringkat umur pertengahan kalau dibandingkan dengan golongan yang sudah meningkat umurnya adalah mempunyai lebih tenaga untuk bekerja. Bagi mereka yang telah agak lanjut umurnya, iaitu dalam peringkat umur 50 tahun kentas sering menghadapi masalah tenaga kerja, kerana mereka selalu sahaja uzur dan merasa cepat penat serta kurang tenaga. Oleh hal yang demikian, telah ditetapkan oleh firma(kompeni) bahawa pekerja-pekerja yang telah mencapai umur 55 tahun, secara otomatis akan tamat tempoh pekerjaannya dengan ladang getah tersebut. Mereka yang tamat tempoh pekerjaan dalam peringkat umur ini dapat mengeluarkan 'Wang Simpanan Pekerja' yang telah disimpan sewaktu mereka berkhidmat dengan ladang getah itu.

Dalam komuniti ini, anak-anak muda dalam lingkungan umur belasan tahun tidak bekerja sebagai pekerja-pekerja ladang. Ini adalah kerana pemuda-pemuda tidak tertarik dengan pekerjaan ini. Ini mungkin kerana mereka menilai rendah jenis kerja ini dan merasa kegiatan ini tidak dapat memberikan jaminan hidup untuk masa depan mereka. Penulis dapat bahawa ramai juga pemuda-pemuda yang telah tamat persekolahannya berhijrah kebandar-bandar untuk mencari pekerjaan-pekerjaan seperti boroh kasar,

budak pejabat, pemandu kereta sewa dan lain-lain. Dari jadual 3 dapat diperhatikan jumlah orang-orang dan anggota keluarga yang berpindah dari ladang ini dalam masa 5 tahun.

Jadual 3: Jumlah orang atau keluarga yang berpindah.

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah perpindahan</u>
I971	I orang.
I972	I orang.
I973	2 orang.
I974	2 orang dan I keluarga.
I975	2 keluarga.

ii) Tingkat Pelajaran.

Daripada pekerja ladang yang ditemui, didapati beberapa fakta yang jelas tentang tingkat dan jenis pelajaran secara 'formal' yang didapati oleh mereka. Tingkat dan jenis pelajaran yang diterima oleh pekerja-pekerja ladang getah di-nyatakan dalam jadual 4.

Jadual 4: Tingkat pelajaran responden.

<u>Tingkat pelajaran</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Buta huruf	I2	32.4
Tamat sekolah rendah	24	64.9
Sekolah menengah	<u>1</u>	<u>2.7</u>
Jumlah	37	100

Daripada data-data yang diperolehi, penulis dapati I2 orang daripada pekerja disini adalah buta huruf yakni tidak tahu membaca dan menulis. Mereka yang tidak membaca dan menulis adalah terdiri daripada mereka yang didalam lingkungan peringkat umur di-

antara 41 hingga 50 tahun, keatas. Sementara itu didapati seramai 24 responden, iaitu 64.9% dapat membaca dan menulis. Golongan ini telah mendapat didikan sekolah secara 'formal'. Dikalangan mereka juga terdapat perbezaan dalam jangka masa persekolahannya. Ada yang belajar hanya sempat darjah tiga sahaja dan sebagainya, namun ada juga yang tamat sekolah rendah ia itu selama 6 tahun. Walaupun begitu diantara mereka pada peringkat pelajaran ini, terdapat pekerja-pekerja yang cuma tahu menulis angka sahaja tetapi tidak boleh menulis atau membaca dalam bahasa Malaysia.

Pengetahuan membaca dan menulis ini penting pada para pekerja ladang keseluruhannya bila memandangkan pada penggunaan bahasa rasmi iaitu bahasa Malaysia. Kebolehan membaca dan menulis juga akan memberi banyak faedah kepada mereka kerana ianya boleh digunakan untuk mengetahui hal-hal yang bersangkutan dengan pekerjaan mereka dan hal-hal yang umum yang boleh memberi keuntungan kepada mereka. Ramai juga diantara mereka yang merasa kesal kerana tidak mendapat pendidikan 'formal' dengan secukupnya. Kebanyakan mereka yang tergolong dalam lingkungan ini ialah mereka yang berumur diantara 31 hingga 50 tahun. Mereka menyatakan bahawa mereka terpaksa berhenti dari sekolah oleh sebab diberhentikan oleh orang tua(ibu bapa) mereka, walaupun mereka masih berminat untuk meneruskan persekolahan dan merasi ada kebolehan dan kepandaian pada diri mereka. Disamping itu, masyarakat dimasa dahulu tidak mengambil berat langsung tentang pelajaran, dan ibu bapa mereka berpendapat pelajaran yang dipelajari di

sekolah itu tidak boleh digunakan dalam kehidupan mereka. Keadaan ini pada umumnya terdapat dikawasan-kawasan luar bandar di Malaysia. Walaupun didapati tingkat pelajaran pekerja-pekerja ladang disini adalah rendah dan mundur tapi dari perhatian penulis didapati tingkat pelajaran anak-anak pekerja disini adalah lebih baik dan menggalakan kedudukannya. Ramai diantara anak-anak mereka didalam lingkungan umur 6 hingga 15 tahun sedang dan masih bersekolah.

iii) Saiz Keluarga.

Jumlah atau bilangan penduduk dalam komuniti ladang getah ini ialah lebih kurang 300 orang kesemuanya. Ciri-ciri yang tipikal terdapat dikalangan pekerja-pekerja disini ialah keluarga mereka itu terdiri daripada pekerja sendiri, isteri dan anak-anak mereka, iaitu familiars (nuclear). Semasa kajian dijalankan didapati bilangan anggota dalam keluarga adalah berbeza antara satu rumah tangga dengan rumah tangga (household) yang lain. Ada diantara anak-anak mereka itu telah berumah tangga dan tidak tinggal bersama ibu bapa mereka lagi. Bilangan anggota keluarga atau saiz tiap-tiap satu rumah tangga adalah seperti dalam jadual 5 berikutnya. Dari jadual ini, hampir 29.7% dari pekerja ladang mempunyai anggota atau bilangan keluarga diantara 7 hingga 8 orang. Sementara itu sebanyak 24.3% dari responden yang mempunyai anggota keluarga diantara 5 hingga 6 orang. Cuma terdapat sebanyak 13.8% mempunyai bilangan keluarga antara 9 hingga 10 orang, manakala yang mempunyai anggota keluarga lebih dari 10 orang ialah seramai 5.4% responden. Dari perhatian

penulis, anggota keluarga yang berumur dari 15 tahun kebawah,

Jadual 5: Saiz keluarga responden.

Klas anggota	Bilangan	Peratus
I-2	3	8.1
3-4	7	18.9
5-6	9	24.3
7-8	11	29.7
9-10	5	13.8
lebih dari 10	2	5.4
Jumlah	37	100

merupakan bilangan yang paling besar sekali. Dari aspek kedudukan ekonominya, golongan ini merupakan golongan yang tidak dapat menyarai hidupnya sendiri dan mereka ini terpaksa bergantung kepada orang lain iaitu kedua orang tua mereka.

iv) Pekerjaan Utama.

Pekerja-pekerja ladang getah dalam kajian ini adalah ditakrifkan sebagai mereka yang mengerjakan kerja ladang itu dengan tujuan untuk mendapat bayaran gaji. Jadi secara lengkapnya mereka semua boleh dikatakan bekerja 'makan gaji' dengan ladang getah tersebut. Seterusnya terdapat juga pembahagian dan pengkhususan kerja dikalangan mereka yakni tidak semuanya akan melakukan kerja yang sama. Ada diantara mereka yang menoreh getah, menjaga anak-anak getah kecil yang baru ditanam, pemungut susu getah, derebar, kerani, mandur, tukang kebun dan lain-lain. Pekerjaan ketua-ketua keluarga yang ditemui ternyata dalam jadual 6.

Jadual 6: Pembahagian pekerjaan responden dalam ladang.

<u>Jenis pekerjaan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Merinyu(conductor)	2	5.4
Menoreh getah	12	32.4
Kerja dikilang	9	24.3
Drebar	5	13.8
Mandur	2	5.4
Tukang kebun	2	5.4
Imam(ketua ugama)	1	2.7
Tidak bekerja(bersara)	2	5.4
Kerani Syarikat Kerjasama	1	2.7
Pegawai keselamatan(jaga)	1	2.7
Jumlah	37	100

Dari jadual 6 diatas, dapat dilihat bahawa menoreh getah merupakan kerja pilihan yang utama bagi penduduk-penduduk dalam komuniti ladang getah ini. Angka penoreh getah hanya menunjukkan jumlah pekerja-pekerja yang tinggal dalam kawasan itu sahaja(ladang), tidak termasuk penoreh-penoreh dari kampung-kampung yang berhampiran. Begitu juga dalam jenis pembahagian kerja yang lain, ianya banyak dikerjakan oleh orang-orang yang tinggal dikampung-kampung berhampiran dengan ladang getah ini. Pekerja-pekerja dikilang, tugasnya ialah untuk memproses susu getah kepada kepingan-kepingan getah dan kemudianya diasap dan dibungkus untuk dijual. Kita dapat juga 2 orang pekerja telah bersara(5.4%responden) dari bekerja di ladang, namun mereka masih dibenarkan tinggal disini kerana isteri mereka masih lagi bekerja

dengan ladang getah ini. Mereka ini bersara adalah kerana telah tamat tempoh pekerjaannya, iaitu mereka sudah cukup umur(55 tahun).

v) Pendapatan Bulanan.

Dengan adanya pembahagian-pembahagian kerja yang berbeda-beda itu, penulis dapati bahawa gaji bulanan pekerja juga berbeda. Perbedaan ini adalah terletak pada jenis-jenis kerja yang mana menggunakan tenaga yang banyak akan dibayar gaji yang lebih sedikit, seperti menoreh getah . Perbedaan pendapatan para pendapatan pekerja ladang getah ini ditunjukan dalam jadual 7 dibawah:-

Jadual 7: Pendapatan bulanan responden.

<u>Pendapatan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Bersara(menganggur)	2	5.4
Kurang dari \$100	8	21.6
\$101 - 200	24	64.8
201 - 300	1	2.7
301 - 400	2	5.4
Lebih dari \$400	—	—
Jumlah	<u>37</u>	<u>100</u>

Dari jadual 7 diatas jelaslah bahawa kebanyakan pekerja-pekerja ladang ini berpendapatan antara \$101 hingga 200 yakni sebanyak 64.8%. Kebanyakan daripada mereka adalah terdiri daripada penoreh getah, drebar dan mandur. Semantara itu terdapat 21.6% mendapat gaji bulanan kurang dari \$100. Mereka ini pula adalah terdiri daripada pekerja-pekerja dikilang, tukang

kebun dan lain-lain. Seramai 2 orang telah tidak bekerja dengan ladang itu(bersara) dan hanya menolong isteri-isteri mereka menoreh atau membuat kerja-kerja kilang. Manakala 1 orang sahaja(2.7%) yang pendapatannya mencapai tingkat antara \$20I hingga 300 iaitu kerani syarikat kerjasama. Sebaliknya hanya 2 orang responden sahaja yang menerima gaji bulanan dianata \$30I hingga 400, mereka ini adalah terdiri daripada merinyu ladang(senior dan junior weeding conductor).

Demikianlah secara lengkapnya penulis menghuraikan keadaan latar belakang komuniti Ladang Geteh Sungai Bagan yang telah dipilih untuk objektif kajian. Penghuraian ini meliputi latar belakang geografi serta struktur sosial serta dan organisasi pentadbiran, ekonomi, politik dan lain-lain perkara yang berhubungan dengan komuniti tersebut khususnya tingkat pelajaran dan pendapatan para pekerja.

CATITAN KAKI

1. Durkheim, E., 'The Division of Labour in Society', diterjemahkan oleh G. Simpson, The Free Press, Glencoe, 1947.
2. Tonnies, F., 'Gemeinschaft and Gesellschaft', dikutip oleh T. B. Bottomore, 'Sociology: A Guide to Problems and Literature', Unwin University Books, London, 1966, halaman 93.

Ketika kita mendengar istilah 'relativitas' juga akan dibayangkan pada makna yang lebih terbatas pada berbagai makna yang ada dalam sebuah sistem sosial. Sistem sosial ini punya berbagai pola-pola dan nilai-nilai penting yang menjadikan hubungan antara anggota (kollektif) bersama-sama dalam politik mereka.

DEFINISI RELATIVE INEQUALITY berasal dari teori yang berikut ini.

Ed Elton mengatakan bahwa persamaan yang diperlukan antara pengaruh-jangka panjang (value expectations) dengan kebutuhan-jangka pendek (value capabilities) yang terdapat pada seorang individu. Pengaruh-jangka panjang adalah faktor hidup yang dimiliki, dinamik yang wajar pada diri dan pada lingkungan sekitar yang membuat seseorang dapat memiliki dan bekerja secara efektif dan efisien. Sebaliknya, kebutuhan-jangka pendek pada seorang individu adalah yang difikirkan dapat dicapai dan dicapai. Secara kongseling ia adalah merupakan kuantitas-kuantitas tersebut dalam makna jangka-jangka panjangnya.

Konsep ED sulit digunakan secara sistematik dalam teknologi politik-polinik, tetapi "American Soldier".² Tujuan ini untuk menunjukkan peran-peran dan tindakan yang mewujudkan

BAB III

MAKNA DAN PERANAN 'RELATIVE DEPRIVATION' DALAM KEKERASAN KOLEKTIF DAN KEKERASAN POLITIK.

Dalam bab ini, penulis akan menguraikan definisi 'relative deprivation' (RD) serta sumber-sumber yang mempunyai hubungan dengan keujudan RD. Pemerhatian juga akan ditumpukan pada angkubah-angkubah tertentu yang berhubung secara langsung atau tidak dengan RD. Selanjutnya penulis juga akan membahaskan pola-pola RD dan akhir sekali peranannya dalam kejadian kekerasan secara bersama (kolektif) khususnya dan kekerasan politik umumnya.

DEFINASI 'RELATIVE DEPRIVATION' DAN LAIN-LAIN KONSEP YANG BERPENGARUH PADA KERASAN POLITIK.

RD didefinisikan sebagai perbedaan yang diresakan antara jangkaan-jangkaan nilai (value expectations) dengan kebolehan-kebolehan nilai (value capabilities) yang terdapat pada seseorang individu.¹ Jangkaan-jangkaan nilai ialah kendaan kehidupan yang memuaskan, dimana orang ramai percaya dan yakin bahawa mereka patut memiliki dan berhak secara sah menikmatinya. Sementara itu, kebolehan-kebolehan nilai pula merupakan kedudukan nilai yang difikirkan dapat dicapai dan dikelakkan. Secara ringkasnya ia adalah merupakan keupayaan-keupayaan seseorang dalam memenuhi jangkaan-jangkaan nilainya.

Konsep RD mula digunakan secara sistematik dalam tahun 1940an oleh penulis-penulis, tentang 'American Soldier'.² Tujuannya ialah untuk menunjukkan perasaan-perasaan individu yang merasa

kekerungan: kedudukan atau keadaan-keadaan yang difikirkan sepatutnya ada pada diri mereka. Ukuran terhadap apa yang harus ada secara umumnya adalah ditentukan oleh perkara-perkara atau benda-benda yang terdapat pada orang a tau kumpulan lain. Konsep ini digunakan dengan meluasnya dalam penyelidikan bercorak sosiologikal, dimana ianya digunakan untuk tujuan 'operational' bahawa ukuran-ukuran nilai a dalam dibandingkan pada kedudukan kumpulan atau orang lain secara relatifnya. Dan keujudan RD ini khususnya ketidak puasan hati dan kemarahan mungkin akan menimbulkan pelakuan kekerasan oleh kumpulan-kumpulan tertentu.

Sehubungan dengan ini, RD merupakan istilah yang digunakan untuk menunjukkan ketegangan yang timbul dari perbedaan antara kepuasan-kepuasan nilai yang 'harus didapati' dengan yang 'telah sedia didapati'. Jika jurang perbedaan ini terlalu besar, ia akan mendorong sebahagian manusia untuk melakukan kekerasan. Dengan itu RD, dapat dianggap sebagai kekecewaan yang longgar dan berbeda-beda dikalangan manusia. Umpamanya kemarahan dan ketidak puasan hati(discontentment) ialah keadaan psikologi yang disebabkan oleh RD. Ianya mempunyai persamaan dan perkaitan dengan konsep kemarahan, meradang dan ketidak puasan(anger, rage and dissatisfactions). Keujudan perasaan RD dalam diri seseorang atau anggota-anggota kumpulan akan membawa kepada perasaan kebimbangan, ketakutan, kesedihan dan kemarahan. Perasaan-perasaan ini mewarnakan persepsi-persepsi terhadap alam sekitar dan selanjutnya mengawal kelakuan-kelakuan seseorang individu.

Terdapat konsep-konsep sampingan yang berhubungan dengan RD seperti nilai-nilai (expectations), klas-klas nilai, jangkaan dan kebolehan nilai, dan peluang nilai. 'Nilai-nilai ia lah perkara-perkara dan keadaan tentang kehidupan yang hendak didapati oleh manusia.³ Ianya merupakan keadaan dimana orang berlumbalumba untuk mendapatkannya. Dalam pengertian psikologi, nilai-nilai ialah objek-objek matlamat tentang motivasi manusia yang lahir dari 'keperluan' asas atau naluri. Mengikut penjenisan yang dibuat oleh Gurr, nilai-nilai dibahagikan kepada 3 iaitu nilai-nilai kebajikan (welfare values), kuasa (power values) dan nilai-nilai 'interpersonal'.⁴ Semua nilai-nilai ini memainkan peranan penting dalam keujudan 'deprivations' bagi mana-mana anggota masyarakat.

Nilai-nilai kebajikan ialah perkara-perkara yang secara langsung mendatangkan kebaikan fizikal dan 'self-actualization'. Ini termasuklah keperluan-keperluan fizikal dalam kehidupan seperti makanan, perlindungan, perkhidmatan kesihatan, kedudukan ekonomi yang teguh dan kesenangan-kesenangan fizikal lainnya. Begitu juga dengan perkembangan dan penggunaan fizikal dan mental adalah diperlukan. Dengan itu terdapat 2 jenis nilai kebajikan iaitu nilai ekonomi dan nilai 'self-actualization'.

Nilai kuasa pula ialah keadaan-keadaan yang menentukan setakat mana manusia dapat mempengaruhi kelakuan serta tindak tanduk orang lain dibandingkan dengan kelakuan dan tindakannya sendiri. Nilai kuasa ini termasuklah keinginan untuk turut serta dalam membuat dasar kelompok atau kumpulan, mengundi, mengambil

behagian dalam pertandingan politik, menjadi ahli elite politik dan kehendak-kehendak 'self-determination'. Begitu juga dengan keperluan untuk keselamatan, misalnya kebebasan dari dasar politik yang ketat atau dari kekacauan(disorder). Kedua-dua klas nilai kunci ini dikatakan sebagai nilai penyertaan(participation values) dan nilai keselamatan(security values).

Nilai-nilai 'interpersonal' ialah kepuasan psikologi yang diingini oleh manusia dalam interaksi yang tidak mempunyai kaitan dengan individu dan kumpulan-kumpulan lain. Nilai-nilai ini termasuklah keinginan seseorang untuk mendapatkan kedudukan(status), yakni menduduki peranan yang diiktiraf dan diberikan 'prestige' oleh orang lain yang berinteraksi dengannya (status values). Nilai ini juga merupakan kemauan seseorang untuk turut serta dalam kumpulan-kumpulan yang teguh dan kuat sokongannya, seperti famili, komuniti dan kesatuan-kesatuan, (communality values). Satu lagi jenis nilai ini ialah keyakinan yang ujud dari pegangan atau dokongan yang sama kepada kepercayaan tentang keadaan semula jadi masyarakat dan kedudukan seseorang didalamnya. Begitu juga dengan keyakinan terhadap norma-norma yang mengawal interaksi sosial(ideational values).

Telah diterangkan bahawa jangkaan-jangkaan nilai merupakan keadaan mengenai kehidupan dimana orang-orang percaya mereka berhak terhadapnya. Seterusnya, ia merupakan satu manifestasi norma-norma umum yang dilahirkan oleh keadaan sekitar sosial dan budaya. Ianya dapat ditunjukkan dalam bentuk ekonomi, sosial dan politik. Assas dimana individu membentuk jangkaan-jangkaannya

terletak pada persepsi tentang apa yang sebenarnya patut ada pada dirinya, yakni kedudukan nilai (value position). Terdapat sumber-sumber terhadap jangkaan-jangkaan seseorang, yang mungkin berupa kendaan yang telah dinikmati oleh generasi-generasi sebelumnya atau dialami olehnya sendiri dimasa lampau. Sumber juga mungkin berupa bentuk tradisi yang diwariskan padanya dan bagaimanalah hubungan kedudukannya dengan orang lain dalam masyarakat. Oleh itu jangkaan nilai merujuk kepada kendaan masa kini dan akan datang. Biasanya jangkaan-jangkaan dan permintaan dimasa akan datang akan lebih banyak daripada yang terdapat dalam kendaan masa kini. Jadi jangkaan-jangkaan nilai merupakan kehendak-kehendak, aspirasi dan permintaan-permintaan dalam kehidupan seseorang.

Kebolehan-kebolehan nilai pula merupakan purata kedudukan nilai yang difikirkan oleh seseorang individu atau kumpulan, sebagai dapat dicapai dan dikekalkan. Kebolehan nilai juga merupakan mempunyai kesan dalam masa kini dan akan datang. Bagi masa kini, kebolehan nilai merujuk kepada cara yang bagaimana sebenarnya manusia dapat mencapai atau diberi peluang oleh kendaan sekitar untuk mendapat kedudukan nilai. Bagi masa akan datang pula, kebolehan nilai merujuk kepada keyakinan seseorang terhadap kemahiran-kemahiran diri sendiri, orang lain dan perantah untuk memberarkan seseorang itu mengekal dan mencapai jangkaan atau potensi nilai. Walaupun bagaimana pun, potensi nilai akan menentukan kelakuan dan tindakan yang terdapat pada masa kini. Potensi dan kebolehan nilai selanjutnya, mempunyai perkaian dengan 'peluang-peluang nilai' (value opportunities).

Peluang nilai merupakan arah atau tujuan kelakuan yang terdapat pada manusia untuk mencapai dan mengelakkan nilai-nilai yang dikehendaki. Rengkasnya ia diistilahkan sebagai 'cara atau jalan' untuk pencapaian dan pengelakan nilai-nilai. Mengikut pembahagian Gurr, peluang-peluang nilai dibahagikan kepada 3 jenis iaitu peluang peribadi(personal), kemasyarakatan(societal) dan politik.⁵ Peluang peribadi ialah kebolehan yang didapati atau diwarisi oleh individu-individu untuk tindakan mempertinggi-kan nilai. Misalnya kemahiran-kemahiran dan pengetahuan umum yang didapati melalui pembelajaran(learning). Kedua-dua ini dapat menambahkan lagi perasaan kedudukan(kebolehan) peribadi seseorang khususnya dalam membentuk kedudukan-kedudukan nilai kebendaan.

Peluang-peluang kemasyarakatan ialah tindakan dan ke-laku-an biasa yang boleh didapati oleh anggota-anggota kelompok atau masyarakat untuk menambahkan nilai secara langsung. Kedua-dua ini adalah penting bagi pencapaian nilai ekonomi, politik, keselamatan dan 'interpersonal'. Sementara itu, peluang politik pulalah merupakan cara-cara tindakan yang umum juga boleh didapati oleh anggota-anggota masyarakat. Fungsinya ialah untuk mempengaruhi orang lain menyediakan kepuasan-kepuasan nilai bagi mereka. Oleh itu peluang politik merujuk kepada tindakan-tindakan politik sebagai cara-cara dan bukannya metlamat-metlamat. Biasanya peluang ini menyediakan satu cara dimana anggota masyarakat dapat kebaikan kebijakan dan kesus yang lebih dari pemerintah. Terdapat juga peluang-peluang lain yang mempunyai unsur-unsur 'politik' misalnya permintaan terhadap kebaikan kebijakan yang

lebih oleh pekerja-pekerja dari majikannya.

SUMBER-SUMBER RD.

Terdapat beberapa teori telah dikemukakan dalam penguraian mengenai puncak-puncak yang menimbulkan RD. Kebanyakan serjana menekankan bahwa RD disebabkan oleh angkubah-angkubah psikologi. Selanjutnya keujudan RD juga berhubungan dengan struktur masyarakat seperti manusia yang diuraikan oleh Gurr,⁶ (lihat rajah I). Kata beliau seterusnya, RD dapat menimbulkan perasaan kemarahan dan ketidakpuasan hati yang merupakan syarat awal dan kunci dalam pelakuan kekerasan oleh individu atau kumpulan. Selain daripada itu, RD juga merangkumi keadaan psikologi yang lain seperti perasaan kekecewaan, pengasingan(alienation), konflik-konflik, desakan kerash matlamat, keimbangan dan keganasan. Manifestasi semua sifat-sifat ini pada individu serta kumpulan dapat diistilahkan sebagai mengalami RD.

Teori-teori psikologi menunjukan dengan jelas perhubungan sebab-masabab antara pelakuan kekerasan dan keganasan (aggression) dengan RD. Terdapat 3 anggapan psikologi tentang sumber-sumber keganasan: ianya ujud secara naluri; dipelajari (learned) dan sebagai tindak balas semula jadi akibat kekecewaan.⁷ Namun begitu ramai serjana yang mengatakan bahawa kebanyakkan keganasan timbul akibat daripada kekecewaan. Misalnya satuan yang paling berpengaruh sekali mengenai teori 'kekecewaan-keganasan(frustration-aggression theory), telah dikemukakan oleh Dollard. Kata beliau:

"....the occurrence of aggressive behaviour always presupposes the existence of frustrations and, contrawise

that the existence of frustration always leads to some form of aggression."⁸

Berdasarkan teori ini jelaslah bahwa kemarahan dan ketidakpuasan hati(deprivation) adalah berfungsi sebagai dorongan untuk pelakuan kekerasan dan keganasan.

Jadi sumber dasar tentang timbulnya RD dalam diri manusia adalah terletak pada mekanisme kekecewaan-keganasan. Ujungnya keadaan ini bagi sebagian individu didorongkan oleh jangkaan matlamat, jika gagal mereka akan mengalami kekecewaan dan kemarahan . Akhirnya kemarahan yang disebabkan oleh kekecewaan yang mendalam, merupakan konsekuensi dorongan untuk terjadinya kekerasan(keganasan). Oleh itu tindak balas agresif hanya akan terjadi apabila ianya ditekan oleh sebab-sebab yang berpunca dari sumber-sumber kekecewaan. Tetapi bukti-bukti menunjukkan bahwa perasaan kemarahan biasanya ditujukan kepada punca-punca yang menyebabkan timbulnya keadaan kekecewaan. Umpamanya Berkowitz dan S. Feshbach mengatakan:-

".....the crucial point is that occurrence of such an attack is an inherently satisfying response to anger; if the attacker has done some harm to his frustrator, his anger is reduced, whether or not he succeeds in reducing the level of frustration per se."⁹

Oleh kerana itu kita dapat segala bentuk keganasan dan kekerasan adalah ditujukan kepada sumber-sumber yang menimbulkan kekecewaan. Misalkan demonstrasi oleh para pelajar yang mengalami kekecewaan

akibat dasar-dasar pemerintahan yang ketat.

Sifat kemarahan dan ketidak puasan hati merupakan ciri esas pada individu-individu atau anggota kumpulan yang mengalami 'deprivation'. Keadaan ini akan timbul bila terdapat jurang perbedaan antara jangkaan-jangkaan nilai dengan cara-cara untuk mencapai nilai-nilai itu. Runciman telah mengemukakannya dalam bentuk satu contoh. Kalau A tidak mempunyai benda X tetapi memerlukannya dan membandingkan pula keadaan dirinya dengan B yang memiliki benda itu, maka A dikatakan sebagai 'relatively deprived'. Jika A tidak berjaya mencapai taraf B, ia akan mengalami kekecewaan dan jika perasaan itu terlalu mendesak sudah tentulah akan ujud sifat kemarahan pada A.¹⁰ Kekecewaan ini akan lebih dirasai lagi apabila individu-individu menganggap mereka mempunyai keupayaan untuk mencapai jangkaan-jangkaan nilai itu, tetapi kenderaan struktur sosial atau masyarakat tidak memberi peluang-peluang yang bagi pencapaian nilai. Hal ini dapat diperhatikan dengan lebih jelas dalam struktur masyarakat yang mengalami anomali dan konflik sosial.

Merton menggunakan konsep anomali sebagai keruntuhan darjah-darjah sosial(social standards) yang mengawal pelakuan sosial, atau ketiadaan norma(normless).¹¹ Dengan ini anomali dapat dihubungkan dengan konsep RD. Misalnya jika norma anggota kumpulan atau masyarakat adalah lemah dan bertentangan dalam cara-cara untuk mencapai jangkaan-jangkaan nilai dimana peluang-peluang nilai adalah terhad, individu-individu yang gagal akan mengalami 'deprivation'(kekecewaan atau kemarahan). Semakin kurang ke-

yakinan individu tentang cara-cara tindakan yang mencukupi untuk mencapai matlamat mereka, akan bertambah rendah kebolehan-kebolehan nilai mereka. Ininya seterusnya akan menambah kerdaan RD, dimana individu-individu dapat mengalami ketidaksesuaian pertentangan norma dalam peranan sosial mereka. Oleh itu kesan yang paling jelas anomali keatas RD adalah berhubungan dengan peluang-peluang nilai yang normatif dalam segala bentuk nilai samada kebijakan, karsa, 'inter-personal', keselamatan, ekonomi, 'status' dan lain-lain.

Selain daripada anomali, struktur masyarakat juga dapat menimbulkan kerdaan konflik pada individu atau anggota-anggota masyarakat dan akhirnya mungkin akan mengalami RD. Konflik dapat dikatakan sebagai satu kerdaan dimana terdapat pertentangan yang melibatkan kekerasan atau tidak diantara dua kumpulan atau lebih, untuk mencapai nilai-nilai yang sama dalam perbedaan jangkaan dan kebolehan nilai. Coser ada mengatakan bahawa konflik merupakan satu proses dimana:-

".....a struggle over values and claims to scarce status, power and resources in which the aim of the opponents are to neutralize, injure or eliminates their rivals."¹²


Jadi mana-mana kumpulan atau individu-individu yang mengalami kegagalan dalam pertentangan ini akan mengalami kekecwaan dan kemarahan atau RD. Dan jika perasaan ini terlalu tinggi dirasai oleh mereka dan tidak ada cara lain lagi untuk pencapaian jangkaan nilai, kekerasan dan kegagalan merupakan alternatif atau pilihan bagi mereka.

Dengan ini jelaslah bahawa angkubah-angkubah psikologi merupakan sumber utama tentang keujuden RD dalam diri individu khususnya dan kumpulan annya. Walau bagaimana pun, struktur masyarakat juga mempunyai pertalian dalam keujuden RD yakni apabila anggota atau anggota masyarakat atau kumpulan mengalami anomali dan konflik sosial mengenai nilai-nilai yang menjadi keperluan pencapaian mereka. Kegagalan struktur sosial menyediakan peluang-peluang nilai samada dalam bentuk kebijakan terutamanya ekonomi, atau karsa dan 'inter-personal'. Ini semuanya akan menimbulkan keadaan RD pada individu atau kumpulan yang menjadi anggota sesuatu masyarakat.

POLA-POLA RD DALAM KEKERASAN KOLEKTIF DAN POLITIK.


Ted Gurr telah membuat analisa yang panjang lebar mengenai sebab-sebab terjadinya kekerasan secara kolektif serta kekerasan politik berdasarkan teori RD. Sebenarnya telah ramai para pengkaji yang menggunakan RD sebagai asas menerangkan ujurnya sesuatu revolusi dan lain-lain pergerakan sosial seperti tunjuk perasaan, kekecauan, mogok, keganasan dan lain-lain. Bagi beliau terdapat 3 pola 'deprivation' yang menimbulkan keadaan ketidakstabilan atau 'disequilibrium'. Pola-pola tersebut ialah 'Decremental Deprivation', 'Aspirational Deprivation' dan 'Progressive Deprivation' yang masing-masingnya digambarkan dengan rajah.¹³

a) Decremental Deprivation.



Ini adalah h satu keadaan dimana jangkaan nilai kolektif (kumpulan) adalah 'constant' tetapi kebolehan nilai dirasakan semakin berkurangan. Orang ramai dalam keadaan ini mengalami RD dengan membandingkan pada keadaan yang ada pada mereka dimasa dahulu. Mereka akan menjadi marah dan tidak puas hati ke atas kehilangan perkara atau nilai-nilai yang sudah dimiliki oleh mereka pada masa itu. Mereka mungkin juga merasa kehilangan secara mutlak dalam konteks konflik dengan kumpulan-kumpulan lain mengenai nilai-nilai yang terhad. Sebarang kejatuhan mutlak dalam kedudukan nilai atau potensi nilai sesuatu kumpulan sosial seperti dalam rajah diatas yang menggambarkan 'decremental deprivation'. Biasanya bentuk ini banyak terjadi dalam masyarakat tradisional dan transisional seperti kebanyakan negara-negara membengun sekarang(dunia ketiga).

b) Aspirational Deprivation.




Dalam 'deprivation' jenis ini, kebolehan atau potensi nilai adalah dalam keadaan statis atau tidak berubah, sementara itu jangkaan nilai semakin bertambah. Walaupun bagaimana pun, orang-orang yang mengalaminya tidak merasa kehilangan yang banyak tentang apa yang ada pada mereka. Kemarahan timbul kerana mereka tidak ada cara-cara untuk mencapai jangkaan-jangkaan baru yang semakin bertambah. Bertambahnya jangkaan nilai mungkin menunjukkan keperluan untuk jumlah nilai yang lebih banyak dari sebelumnya, seperti dalam segi kebendaan, atau susunan politik yang lebih luas. Ianya mungkin juga keperluan untuk nilai-nilai baru yang belum pernah dialami oleh seseorang, seperti untuk nilai-nilai kebaikan, atau kuasa (politik) yang lebih banyak.

Progressive Deprivation.

Jenis ini didasarkan pada model yang disaranakan oleh Davies iaitu 'J-Curve Hypothesis'.¹⁴ Rajah menunjukkan pertambahan serentak dalam jangkaan dan kebolehan nilai; tetapi kebolehan

itu akan menjadi semakin berkurangan. Akhirnya jika jurang perbedaan jangkaan dan kebolehan nilai semakin meluas, kekerasan secara revolusi mungkin akan berlaku. Pola jenis ini sangat umum dalam masyarakat yang mengalami perubahan serentak dari segi sistem dan ideologi. Teori ini cuba menggambarkan bahawa



jika tidak terdapat kestabilan dalam struktur masyarakat ini itu kegagalan institusi-institusi sosial dan politik untuk menyesuaikan nilai-nilai terhadap situasi-situasi perubahan, deprivation jenis ini akan dialami sehingga tercetusnya kekerasan berbentuk revolusi.

PERANAN RD DALAM KEKERASAN KOLEKTIF DAN KEKERASAN POLITIK.

Ketiga-tiga pola 'deppivation' diatas adalah berkenaan menghasilkan pelakuan kekerasan secara kolektif atau politik berdasarkan pada tujuan kekerasan itu dilakukan. Namun begitu harus diingat bahawa tidak semestinya satu bentuk 'deprivation' sahaja merupakan ciri yang mutlak dalam sesuatu masyarakat. Dalam mana-mana masyarakat dan ketika mana sekali

pun, sebahagian kumpulan mungkin akan mengalami pola-pola RD yang berbeda-beda serta mempunyai saling hubungan dengan klas-kelas nilai yang tidak sama pula. Seterusnya kejadian kekerasan adalah ditentukan oleh setakat mana RD itu dialami. Ini adalah kerana RD boleh berubah-berubah dari segi 'magnitude, frequency dan kadar kekuatannya(degree). Magnitude RD adalah sejauh mana perbezaan yang ada diantara situasi yang dikehendaki dengan orang yang menghendakinya. Frequency RD pula ialah merupakan 'proportion' sesuatu kelompok yang merasakannya. Dan kadar RD ialah kekuatan kekecewaan dan ketidak puasan hati yang dirasai.

Kekuatan RD yang dialami inilah yang akan menentukan samada seseorang itu akan melakukan kekerasan atau tidak. Seperti mana kata Gurr, bahawa kekuatan RD adalah ditentukan juga oleh keutamaan nilai(salience of values), jumlah peluang-peluang nilai(No. of opportunities) dan tumpuan masa(time focus).¹⁵ Sehubungan dengan kadar RD selanjutnya, jika terdapat jurang perbezaan yang luas antara jangkaan dan kebolehan nilai, ianya akan meninggikan lagi ketidak puasan hati dan kemarahan. Keutamaan nilai-nilai ialah jika lebih tinggi keutamaan nilai tertentu sahaja ditumpukan, dan semakin berkurangan pula kepuasan-kepuasan lain yang didapati, akan menambahkan lagi keadaan ketidak puasan hati dan kemarahan. Mengenai jumlah peluang-peluang nilai ialah jika terdapat banyak cara-cara pilihan dalam memuaskan jangkaan-jangkaan, ketidak puasan hati dan kemarahan keatas kegagalan dapat dikurangkan. Tetapi jika terdapat terlalu kurang cara-cara pilihan, ianya akan meninggikan keadaan tersebut. Peranan angkubah masa pula(time), jika kemarahan dan ketidak

purasen hati adalah dihalang penyampaianya dalam waktu jangka pendek, perasaan ini akan jadi lebih bertambah daripada berkurangan.

Angkuba-angkubah yang diataslah akan menentukan anggota-anggota sesuatu kumpulan akan melakukan kekerasan secara kolektif. Kekerasan ini didefinisikan sebagai ruang-lingkup (scope) dan ketidak seimbangan(disequilibrium) anggota kelompok untuk menggunakan kekerasan sebagai tentangan terhadap orang kumpulan yang lain.¹⁶ Oleh hal yang demikian 'deprivation' adalah perlu dalam pengemukaan kearah kekerasan secara kolektif dimana ramai anggota-anggota kumpulan merasa tidak puns hati dan marah terhadap issue-issue yang sama. Misalnya peristiwa-peristiwa dan keadaan seperti tekanan terhadap kegiatan politik, ekonomi atau kemerosotan kedudukan anggota-anggota kelompok.

Dengan itu machanism teori kekecewaan-keganasan menunjukan perkaitan motivasi yang asas antara RD terhadap potensi untuk kekerasan kolektif. Bukti-bukti psikologi menunjukan bahawa kehebatan kemarahan berubah mengikut kadar tindak balas kekecewaan yang dirasakan. Jika lebih tinggi kadar purata perbedaan antara jangkaan dan kebolehan nilai dikalangan anggota-anggota kelompok, akan lebih purata kekuatan atau kehebatan RDnya. Jadi untuk menyelesaikan keadaan ini, salah satu caranya ialah dengan jalan memberontak yakni dengan pelakuan kekerasan. Tujuan peserta-peserta dalam kebanyakan kejadian kekerasan kolektif ialah untuk meninggikan kedudukan nilai mereka. Misalnya pemimpin-pemimpin revolusi atau demonstrasi adalah bertujuan untuk merampas kuasa atau meminta pemerintah menjalankan beberapa pemulihan tertentu.

Ini menunjukan dengan jelas bahawa kekuatan dan keadaan tujuan-tujuan(aims) merupakan penentu penting terhadap bentuk dan cara-cara(tactic) kekerasan kolektif. Akhirnya keadaan ini dipercepatkan lagi oleh struktur kemasyarakatan yang tidak seimbang dalam menyediakan jangkaan, kebolehan dan peluang-peluang nilai untuk anggota-anggota kelompok atau kumpulan.

Umumnya kekerasan kolektif mempunyai perkaitan yang rapat dengan kejadian-kejadian kekerasan politik. Kekerasan politik akan berlaku apabila RD yang dialami oleh anggota kelompok dihubungkan dengan keadaan dan struktur politik yang ada, yakni di'politicized'kan. Oleh itu kekerasan politik dapat didefinisikan sebagai semua jenis tentangan secara bersama didalam komuniti terhadap regim politik, pendokongnya, pentadbir-pentadbir, kumpulan politik yang bertandingan dan juga dasar-dasar politik. Bukti-bukti juga menunjukan bahawa kebanyakan kejadian kekerasan kolektif dalam bahagian-bahagian tertentu menunjukan sifat-sifat politik. Menurut Ted Gurr, kejadian kekerasan ini terjadi adalah tentukan oleh 2 perspektif yang mempengaruhi potensi kelakuan tersebut.¹⁷ 2 perspektif itu ialah Pemberan Normatif(Normative Justification) dan Pemberan 'Utilitarian' yang terdapat pada anggota-anggota kelompok.

Pemberan normatif untuk kekerasan kolektif atau politik merupakan sikap dan kepercayaan yang didokong oleh anggota kelompok bahawa pelakuan kekerasan adalah berpatutan(justified), sebagai cara bagi pencapaian nilai. Manakala pemberan 'utilitarian' pula merupakan kepercayaan-kepercayaan anggota

kelompok terhadap setakat mana penggunaan kekerasan itu akan menghasilkan(meninggikan) kedudukan nilai mereka iaitu samada berjaya atau tidak.

Selanjutnya, sistem politik merupakan agen yang dianggap sebagai bertanggung jawab dalam menyelesaikan 'deprivation' yang telah dipilitikkan(politicized). Orang ramai yang tidak puas hati dan marah merasakan bahawa sistem politik mempunyai keupayaan dan sumber-sumber untuk menyelesaikan 'deprivation' mereka. Jika tiada tindakan efektif dilakukan oleh regim politik dan pentadbir-pentadbirnya, orang ramai akan lebih berkemungkinan untuk melakukan kekerasan seperti revolusi, rusuhan, tunjuk-perasaan, mogok dan lain-lain demi untuk meninggikan kedudukan nilai mereka samada dari segi nilai kebaikan, kuasa dan 'inter-personal'.

Berhubung dengan pelakuan kekerasan kolektif dan politik, berjaya atau tidak adalah terletak pada kekuatan tenaga yang terdapat pada regim(pemerintah) atau pemberontak-pemberontak (dissidents). Tenaga-tenaga kekuatan itu ialah pengawalan yang keras(coercive control) dan sokongan dari institusi(institutional support).¹⁸ Faktor-faktor ini adalah penting untuk pengesahan (legitimacy) orang ramai atau massa terhadap regim atau pemberontak-pemberontak. Jika regim mempunyai kekuatan yang besar dan kuat dalam kedua-dua faktor ini, dengan senang saja pemerintah dapat mengawal dan menggalakkan segala bentuk kekerasan. Tetapi jika sebaliknya, ia akan mempercepatkan kejatuhan sesuatu regim dan memberi peluang kepada pemberontak untuk berkuasa.

Akhir sekali jelaslah bahawa keadaan RD adalah ber-kemungkinan untuk menimbulkan kejadian kekerasan apabila terdapat jurang perbedaan yang luas antara jangkaan dan kebolehan nilai. Ianya juga mempunyai potensi untuk menjadi kekerasan politik apabila sistem politik dikatakan sebagai bertanggung jawab untuk menyelesaikan 'deprivation' khususnya apabila terdapat pemberian normatif dan 'utilitarian' dalam anggota kelompok atau kumpulan.

6. Dow, R. *The Politics of Social Inequality*, London, 1970.
7. Dow, Robert, 1970.
8. Dow, Robert, 1970.
9. Dow, Robert, 1970.
10. Dow, Robert and John G. King, *Deprivation and Accumulation*, New Haven, Yale University Press, 1972, volume 2.
11. Miles Mervin, Hubert, 1970, *1000 Adversaries* (Draft), dan R. Pethrus 1970, *Deprivation and The Formation of Antagonistic Classes*, International Review, July, 1970, between 22-23.
12. Ostrom, E., *Political Structure and Social Institutions*, *Advances in Political Analysis*, 1970, Institute for Social Order, New Haven, Yale University, 1970, volume II.
13. Norton, R. K., *Social Theory and Social Structure*, New York, The Free Press, 1970, between 226-227.
14. Scott, Sir J., "Introduction to the Study of Social Conflict", New York, The Free Press, 1970, between 6.
15. Dow, R. R., "The Deprived", New Jersey, Princeton University Press, 1970, between 4-5.

CATITAN KAKI

1. Gurr, R. T., 'Why Men Rebel', Princeton University Press, New Jersey, 1970, halaman 23-24.
2. Ibid, halaman 24.
3. Seperti mana yang digunakan oleh Harold Laswell dan Abraham Kaplan dalam 'Power and Society: A Framework For Political Inquiry', New Haven, Yale University Press, 1950, halaman 55-56.
4. Gurr, R. T., op. cit., halaman 25.
5. Ibid, halaman 28.
6. Ibid, halaman 31.
7. Ibid, halaman 30-37.
8. John Dollard dan lain-lain; 'Frustration and Aggression', New Haven, Yale University Press, 1939, halaman I.
9. Lihat Berkowitz; 'The Concept of Aggressive Drive', dan S. Feshbach; 'The Function of Aggression and The Regulation of Aggressive Drive', dalam PSYCHOLOGICAL REVIEW, July, 1964, halaman 257-272.
10. Runciman, W. G., 'Relative Deprivation and Social Adjustment!, A Study of Attitude to Social Inequality in 20th Century England', Penguin Books, 1972, halaman II.
11. Merton, R. K., 'Social Theory and Social Structure', New York, The Free Press, 1957, halaman 226-267.
12. Coser, L. A., 'Continuities in The Study of Social Conflict', New York, The Free Press, 1967, halaman 8.
13. Gurr, T. R., 'Why Men Rebel', New Jersey, Princeton University Press, 1970, halaman 46-56.

- I4. Lihat James C. Davies, 'Toward A Theory of Revolution', American Sociological Review, Vol. XXVII, February, 1962, halaman 5-19.

I5. Gurr, R. T., op. cit., halaman 59.

I6. Ibid, halaman 29.

I7. Ibid, halaman 326-330.

I8. Ibid, halaman 330-334.

1) Mengikuti nilai-nilai yang diungkapkan oleh Gurr, kita dapat menemukan beberapa faktor yang berpengaruh terhadap perubahan-perubahan politik dan pemerintahan. Faktor-faktor tersebut adalah sebagai berikut:

 - i) Mengikuti nilai-nilai yang diungkapkan oleh Gurr, kita dapat menemukan beberapa faktor yang berpengaruh terhadap perubahan-perubahan politik dan pemerintahan. Faktor-faktor tersebut adalah sebagai berikut:
 - ii) Kebalahan nilai-nilai dalam sebuah negara (negara-negara sejauh ini).
 - iii) Riset(istik) mengenai nilai-nilai kebalahan nilai-nilai kebudayaan suatu bangsa.
 - iv) Pengaruh nilai-nilai dalam sebuah bangsa terhadap pemerintah politis dan bentuk-bentuk pemerintahan.

2) Mengikuti teori teorinya (dalam buku), kita dapat menemukan bahwa teori-teori yang diungkapkan oleh Gurr, mengikuti nilai-nilai kebudayaan suatu bangsa yang diungkapkan oleh seorang ahli sejarah yang harus dimiliki pada suatu bangsa. Misalnya mengikuti dan meminta-pemintaan dari jangkaun orang-orang yang harus dimiliki pada suatu bangsa, ditulis. Misalnya mengikuti dan meminta-pemintaan dari lebih banyak dari yang tertulis dalam kedudukan akhir.

3) Mengikuti teori teorinya (dalam buku), kita dapat menemukan bahwa teori-teori yang diungkapkan oleh Gurr, mengikuti nilai-nilai kebudayaan suatu bangsa yang diungkapkan oleh seorang ahli sejarah yang harus dimiliki pada suatu bangsa. Misalnya mengikuti dan meminta-pemintaan dari lebih banyak dari yang tertulis dalam kedudukan akhir.

BAB IV

TINJAUAN RD PADA KOMUNITI LADANG GETAH SUNGAI BAGAN.

Bab ini cuba membuat analisa mengenai data-data yang diperolehi dari responden tentang aspek-aspek seperti yang di-nyatakan dibawah. Aspek tersebut merangkumi perkara-perkara mengenai pendapatan, pendidikan, penyertaan politik, aspirasi antara peribadi serta negara dan pekerjaan. Selanjutnya aspek-aspek ini dapat dibahagikan kepada 4 iaitu:-

- i) Jangkaan nilai dimasa hadapan.
- ii) Kebolehan nilai dimasa kini (capaian sekarang).
- iii) Nisbah(ratio) antara jangkaan dan kebolehan nilai - keujudan RD.
- iv) Bagaimana RD dihubungkan dengan ketidak puasan hati dan kemarahan yang dipolitikkan (politicized discontent) - keujudan kekerasan.

I) Jangkaan Nilai Masa Hadapan (Jan. gkaan Umum).

Seperti mana yang didefinisikan oleh Gurr, jangkaan nilai sesuatu kumpulan ialah kedudukan nilai yang dipercayai oleh anggota-anggotanya sebagai patut atau berhak dimiliki oleh mereka. Umumnya kumpulan itu mempunyai jangkaan untuk mengekalkan apa yang ada pada mereka, disamping mempunyai beberapa permintaan-permintaan dan jangkaan tentang apa yang harus dimiliki pada masa akan datang. Biasanya jangkaan dan permintaan-permintaan ini lebih banyak dari yang terdapat dalam kedudukan sekarang. Jangkaan dan permintaan ini juga meliputi keseluruhan aspek

kehidupan nilai seperti kehidupan dalam kebajikan, - sosial dan ekonomi; kekuasaan - politik; dan antara peribadi(interpersonal).

a) Pendapatan.

Ianya merupakan nilai kebajikan yang penting berhubungan dengan kedudukan nilai ekonomi anggota sesuatu kumpulan. Berkenaan dengan hal ini, responden dari komuniti ladang getah Sungai Bagan telah diteliti berapakah pendapatan yang sepatutnya didapati oleh mereka pada masa hadapan. Jangka masa 5 tahun telah dikemukakan bagi menentukan samada jangkaan pendapatan mereka akan berubah, yakni bertambah atau berkurangan dari pendapatan sekarang. Jadual dibawah menunjukkan keadaan ini:-

Jadual 8: Jangkaan nilai pendapatan yang sepatutnya didapati oleh responden dimasa akan datang.

<u>Pendapatan sepatutnya</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Bersara(menganggur)	2	5.4
\$101 - 200	29	78.3
201 - 300	3	8.1
301 - 400	1	2.7
401 - 500	2	5.4
lebih dari \$500	-	-
Jumlah	<u>37</u>	<u>100</u>

Seramai 29 orang responden atau 78.3% menyatakan pendapatan mereka sepatutnya dimasa hadapan ialah antara \$101 hingga 200. Hanya 8.1% daripada responden yang mempunyai jangkaan bahawa pendapatan mereka sepatutnya berada pada tingkat \$201 hingga 300. Sementara itu seorang responden (2.7%) sahaja meng-

jangkakan pendapatan sepatutnya didapati antara \$30I hingga 400 dan 2 orang responden(5.4%) mengharapkan tingkat pendapatan antara \$40I hingga 500. Terdapat 2 orang responden yang telah berhenti kerja(bersara), jadi mereka tidak memberi apa-apa pandangan tentang jangkaan nilai pendapatan yang harus didapati pada masa hadapan. Implikasi dari jadual diatas membuktikan bahawa kebanyakan anggota komuniti mengjangkakan tangga gaji \$200 merupakan tingkat yang paling maksima patut mereka dapat pada masa hadapan. Oleh itu jangkaan nilai mereka adalah rendah dalam aspek pendapatan.

b) Pendidikan.

Aspek pendidikan juga merupakan satu bentuk jangkaan nilai yang penting juga dalam mana-mana anggota kumpulan. Dari penyelidikan yang dilakukan dalam komuniti ini, dapat diperhatikan kepentingan jangkaan nilai responden tentang jangkaan pelajaran sepatutnya, didapati oleh anak-anaknya(mereka). Penentuan terhadap jangkaan nilai pendidikan pula didasarkan pada kebolehan anak-anak dan tingkat pendapatan komuniti. Hasil penyelidikan terhadap jangkaan ini pada masa hadapan adalah seperti berikut:-

Jadual 9: Peringkat pendidikan yang patut dicapai oleh anak-anak responden pada masa hadapan.

<u>Jawapan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Universiti/Maktab	36	97.3
Lulus Sek. Menengah	I	2.7
Jumlah	37	100

Berpendukan jadual diatas, seramai 36 orang responden

isitu 97.3% mempunyai jangkaan nilai bahawa tingkat pelajaran sepatutnya didapati oleh anak-anak mereka adalah sehingga keperingkat universiti atau makteb. Ini menggambarkan bahawa jangkaan nilai anggota komuniti adalah tinggi dalam segi pendidikan sepatutnya didapati oleh anak-anak mereka dimasa hadapan.

c) Politik.

Dari segi jangkaan nilai dalam aspek politik, penelitian ditumpukan terhadap atau penyertaan atau penglibatan anggota komuniti dalam politik negara dan tempatan. Mengenai penyertaan dalam politik negara(nasional), diperhatikan setakat manakah peranan anggota komuniti dan sempelai keperingkat mana jangkaan mereka untuk terlibat dengan kegiatan politik tersebut. Sementara itu dalam politik tempatan pula, ingin diketahui semasa anggota komuniti itu mengjangkakan patut terlibat atau tidak, untuk membuat keputusan-keputusan yang mendatangkan kebaikan dan keharmonian dalam kehidupan mereka.

Jadual 10: Jangkaan responden untuk terlibat dalam politik negara.

<u>Jawapan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Mengundi hanya sekali dalam masa 4 tahun.	15	40.5
Menjadi ahli biasa dalam pertubuhan politik atau sosial dalam komuniti.	14	37.8
Ahli jawatan kunci pertubuhan (peranan kepimpinan)	7	18.9
Mengambil peranan kepimpinan diperingkat negeri/nasional	1	2.7
Jumlah	37	100

Jadual II: Jangkaan untuk terlibat dalam politik tempatan.

<u>Jawapan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Menjadi ahli jawatan kuasa yang menguruskan komuniti.	6	16.2
Untuk memilih wakil-wakil bertugas dalam jawatan kuasa.	-	-
Harus bincang keputusan - keputusan sebelum ianya dijalankan.	29	78.4
Harus diberitahu dasar-dasar yang diambil.	2	5.4
Jumlah	37	100

Berhubung dengan penyertaan dan penglibatan dalam politik negara (lihat jadual I θ), seramai 15 orang responden mempunyai jangkaan nilai politik hanya untuk mengundi dalam masa 4 tahun sekali, iaitu 40.5%. Terdapat juga 37.8% responden mempunyai jangkaan untuk terlibat sebagai ahli biasa dalam pertubuhan politik sahaja khususnya parti politik nasional (Barisan). Seramai 18.9% responden ada jangkaan untuk terlibat sebagai ahli jawatan kuasa dalam sesuatu pertubuhan politik, iaitu memegang peranan kepimpinan. Disamping itu, hanya seorang responden sahaja (2.7%) mempunyai nilai jangkaan untuk terlibat yang sangat tinggi.

Tentang penyertaan dan penglibatan dalam politik tempatan pula, majoriti anggota komuniti merasakan mereka harus membincangkan sesuatu keputusan sebelum ianya dijalankan. Ini ditunjukan oleh sebanyak 78.4% iaitu 29 orang responden (lihat jadual II). Seramai 16.2% responden pula mempunyai nilai

jangkaan untuk terlibat yang agak tinggi sedikit, iaitu sebagai ahli jawatan kunci untuk menguruskan komuniti. Dalam pada itu, hanya 2orang responden (5.4%) yang mempunyai nilai jangkaan penglibatan yang rendah. Jangkaan mereka ialah setakat untuk mengetahui dasar-dasar yang telah diambil. Secara keseluruhannya jangkaan nilai penglibatan komuniti dalam politik (tempatan dan nasional) pada masa hadapan adalah rendah.

d) Aspirasi antara kedudukan peribadi dan negara.

Manusia juga mempunyai jangkaan nilai aspirasi (cita-cita) terhadap kedudukan mereka dan juga keadaan negara. Biasanya aspirasi ialah keinginan untuk sesuatu kedudukan yang dirasai belum pernah ada pada diri mereka. Teknik yang digunakan untuk mengukur aspirasi responden dinamakan sebagai 'self-anchoring ladder device'.^I Ukuran ini dicipta oleh Hadley Cantril. Berdasarkan alat ini, responden diminta memberikan jenis-jenis aspirasi untuk diri, anak-anak, komunitinya dan negara, serta samada aspirasi itu boleh dicapai atau tidak.

10
9
8
7
6
5
4
3
2
1
0

Tangga 0 hingga 10 menunjukkan kedudukan nilai peribadi dan juga negara. Tingkat 10 adalah keadaan yang paling baik, manakala tingkat 0 adalah yang paling buruk dicapai oleh kedudukan peribadi atau negara. Pengukuran ini didasarkan pada keadaan kehidupan yang terdapat pada:-

- i) 5 tahun yang lepas .
- ii) Sekarang(masa kini).
- iii) 5 tahun akan datang(masa hadapan).

Dengan berpandukan alat ini dapatlah diketahui bagaimakah jangkaan nilai aspirasi anggota komuniti ladang ini tentang kedudukan peribadi mereka serta negara. Kedaaan-kedaan kedudukan antara peribadi dapat diperhatikan dalam jadual I2 dibawah:-

Jadual I2: Peratus 'rating' kedudukan personal tiap-tiap tangga bagi responden.

	<u>Lepas</u>	<u>Sekarang</u>	<u>Depan</u>
0	-	-	-
1	2.7	-	-
2	2.7	2.7	8.1
3	13.5	21.6	18.9
4	13.5	24.3	10.8
5	38.9	27.0	2.7
6	24.3	13.5	18.9
7	-	8.1	18.9
8	5.4	2.7	21.6
9	-	-	-
10	-	-	-
Jumlah	100	100	100
Mean Rating	4.8	4.7	5.4

Jika diteliti pada jadual diatas, jangkaan nilai personal responden adalah bertambah untuk masa hadapan. Mean rating kedudukan personal bagi masa ini ialah 5.4 dimana iaanya lebih tinggi daripada masa sekarang dan tahun lepas. Tangga yang tertinggi dipilih ialah 8 iaitu menjadi pilihan kepada 21.6% responden. Jangkaan untuk mencapai tangga ini telah ber-

tambah kerana pada masa sekarang dan tahun-tahun lepas tangga ini(8) sedikit sekali dipilih oleh responden. Tangga kedudukan personal yang popular bagi masa akan datang ialah 3, 6 dan 7, dipilih oleh 18.9% responden. Tangga yang terendah sekali dipilih ialah 2, menjadi pilihan kepada 8.1% responden. Umumnya kita dapati jangkaan nilai mengenai kedudukan personal anggota komuniti ladang ini telah bertambah dari masa sekarang dan tahun-tahun lepas.

Jadual I3: Peratus 'rating' kedudukan negara tiap-tiap tangga bagi responden.

	<u>Lepas</u>	<u>Sekarang</u>	<u>Depan</u>
0	-	-	-
1	-	2.7	24.3
2	5.4	2.7	29.8
3	13.5	18.9	8.1
4	13.5	24.3	8.1
5	40.5	27.0	-
6	16.2	18.9	5.4
7	8.1	2.7	8.1
8	-	2.7	8.1
9	-	-	5.4
10	<u>2.7</u>	<u>-</u>	<u>2.7</u>
Jumlah	<u>100</u>	<u>100</u>	<u>100</u>
	<u>Mean Rating 4.2</u>	<u>4.5</u>	<u>3.7</u>

Gambaran dari jadual I3 ialah bahawa jangkaan nilai terhadap kedudukan negara adalah merosot dari semasa kesemasa. Mean rating bagi kedudukan negara ialah 3.7 iaitu yang paling

rendah sekali daripada masa sekarang(4.5) dan tahun lepas(4.2). Ini membuktikan bahawa aspirasi responden terhadap kedudukan negara pada masa hadapan adalah menuju kepada kesusahan yang paling buruk. Tangga kedudukan yang dipilih pada masa ini menunjukkan hakikat ini, iaitu tangga 2 dan I, dipilih oleh 29.8% dan 24.3% responden. Bilangan responden yang mengjangkakan kedudukan negara berubah kepada tangga yang tinggi amat sedikit sekali. Dengan itu jelaslah bahawa jangkaan nilai anggota komuniti tentang kedudukan negara adalah menuju kearah kesusahan (perhatikan perubahan tangga 5 dalam tiap-tiap jangkamasa). Mengikut pandangan mereka masalah yang dihadapi oleh negara pada masa sekarang akan menjadi lebih banyak pada masa akan datang.

Secara umumnya dapat kita ketahui aspirasi responden dalam bentuk keutamaan cita-cita dan keinginan mereka. Cuba lihat jadual I4 dibawah:-

Jadual I4: Jangkaan keutamaan nilai aspirasi responden.

<u>Jawapan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Kekayaan	18	48.6
Kesenangan(untuk keluarga).	10	27.0
Pergi ke Mekah(naik haji).	6	16.2
Beli tanah, kebun dan rumah.	3	8.1
Jumlah	<u>37</u>	<u>100</u>

Jadual diatas menunjukkan kekayaan merupakan jangkaan aspirasi

kedudukan personal yang paling diutamakan pada masa hadapan. Kepentingan terhadap cita-cita ini dibuktikan oleh seramai 48.6% responden yang memilihnya. Kesenangan juga merupakan aspirasi yang tak kurang pentingnya, dimana telah menjadi pilihan kepada 10 orang responden iaitu 27%. Seramai 16.2% responden, aspirasi mereka ialah untuk menunaikan fardu haji ke Mekah. Sementara itu 8.1% responden mempunyai cita-cita untuk membeli tanah, kebun dan rumah.

Berhubung dengan aspirasi atau cita-cita pada masa hadapan, responden juga telah ditanyakan samada keinginan mereka dapat dicapai atau tidak. Untuk mengetahuinya sila rujuk pada jadual I5:-

Jadual I5: Jarak pencapaian aspirasi responden.

<u>Jawapan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Tidak akan tercapai.	5	13.5
Kurang daripada 5 tahun.	3	8.1
II - I5 tahun.	2	5.4
6 - IO tahun.	24	64.8
Lebih daripada I5 tahun.	1	2.7
Tidak tentu.	2	5.4
Jumlah	37	100

Sementara itu jadual I6 pula menunjukkan penentuan-penentuan bagi mencapai cita-cita atau aspirasi responden.

Jadual I6: Penentu pencapaian aspirasi responden.

<u>Jawapan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Tidak akan tercapai.	5	13.5
Diri sendiri.	20	54.1
Kerajaan.	1	2.7
Nasib/Tuhan.	5	13.5
Orang lain(misalnya anak-anak).	6	16.2
Jumlah	<u>37</u>	<u>100</u>

Dalam jadual I5, kita dapati bahawa kebanyakan responden mengatakan jangkamasa yang sesuai bagi pencapaian cita-cita mereka ialah diantara 6 hingga 10 tahun. Terdapat seramai 64.8% responden yang mengatakan demikian. Dalam pencapaian aspirasi-aspirasi tersebut, seramai 54% responden bersetuju bahawa ianya adalah ditentukan oleh diri sendiri (lihat jadual I6). Terdapat juga anggota komuniti yang berserah kepada nasib dan sumber-sumber lain seperti kerajaan dan anak-anak untuk pencapaian aspirasi mereka pada masa hadapan.

e) Pekerjaan.

Selain daripada aspek-aspek yang dibincangkan diatas, jangkaan nilai terhadap kedudukan pekerjaan bagi masa hadapan merupakan satu kepentingan juga dalam sesuatu komuniti. Jadual I7 menggambarkan jangkaan nilai pekerjaan yang terdapat pada anggota komuniti ladang getah ini. Apa yang dapat dilihat ialah, bahawa kebanyakan responden iaitu seramai 54% tidak mempunyai jangkaan nilai untuk mencari pekerjaan yang lebih baik

pada masa hadapan.

Jadual I7: Jawapan responden tentang 'adakah cadangan untuk mencari kerja yang lebih baik.'

<u>Jawapan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Tiada cadangan	20	54.1
Berniaga sendiri	14	37.8
Bertani dan men- ternak.	3	8.1
Jumlah	<u>37</u>	<u>100</u>

Walau bagaimana pun, terdapat juga seramai 37.8% responden ingin menjalankan perniagaan sendiri dan 8% responden bercadang untuk menjadi petani dan penternak. Bagi mereka yang mempunyai keinginan untuk mencari kerja yang lebih baik seperti berniaga dan bertani, kebanyakannya daripada mereka mengatakan terdapat peluang-peluang untuk mencapai pekerjaan tersebut. Sementara itu bagi anggota komuniti yang tidak ada cadangan untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik kerana mereka rasa tidak ada peluang untuk mencapainya.

Dari keseluruhan jangkaan-jangkaan nilai yang telah dihuraikan, dapatlah kita membuat ramalan bahawa jangkaan nilai anggota komuniti ladang getah ini tidaklah begitu tinggi. Jikalau kita lihat jangkaan nilai mengenai pendapatan, kebanyakannya anggota komuniti berpuas hati dengan tingkat pendapatan antara \$101 hingga 200. Ini menunjukkan bahawa jangkaan mereka

dalam aspek ini adalah rendah. Tentang jangkaan nilai terhadap pelajaran, iaanya merupakan yang penting bagi anggota komuniti. Majoriti komuniti berpendapat anak-anak mereka patut diberikan pendidikan hingga keperingkat universiti atau maktab. Ini jelas menunjukan jangkaan nilai yang tinggi dimana mereka mempunyai kesedaran terhadap kepentingan pendidikan.

Dalam aspek politik pula samada nasional atau tempatan, sekali lagi kita dapati bahawa jangkaan nilai komuniti tidak begitu tinggi. Kegiatan kebanyakannya anggota komuniti hanya tertumpu untuk berperanan sebagai ahli biasa sahaja dalam pertumbuhan politik. Sebahagiannya pula ingin menjadi pengundi sahaja semasa pilihan raya diadakan. Begitu juga dengan kegiatan politik tempatan, anggota komuniti hanya sanggup untuk membincangkan keputusan-keputusan yang telah diambil dan ingin dilaksanakan. Dengan ini keseluruhan anggota komuniti ladang ini mempunyai sikap yang 'apathetic', 'ignorant' dan 'indifferent' dalam jangkaan nilai politik mereka.

Selanjutnya mengenai jangkaan nilai aspirasi, kekayaan dan kesenangan merupakan dua jangkaan cita-cita yang sangat dipentingkan oleh kebanyakannya anggota komuniti dalam kedudukan personal mereka. Dan mereka berpendapat bahawa jangkaan-jangkaan ini akan dicapai dalam jangka masa antara 6 hingga 10 tahun. Pencapaian aspirasi ini pula adalah terletak pada daya usaha mereka sendiri tanpa mengharapkan sumber-sumber lain. Berhubung dengan jangkaan nilai untuk mencari pekerjaan yang lebih baik pula, majoriti komuniti tidak mempunyai jangkaan atau cadangan

untuk meninggalkan pekerjaan mereka sekarang. Ini mungkin disebabkan oleh kerana mereka tidak mempunyai kelayakan dan kepandaian(pelajaran) untuk mendapatkan pekerjaan yang baru. Boleh dikatakan bahawa mereka semua adalah berpuas hati dengan kedudukan pekerjaan yang sedia ada pada mereka.

2) Kebolehan Nilai Masa Kini(Kebolehan Umum)

Kebolehan nilai(value capabilities) sesuatu kumpulan ialah purata kedudukan nilai anggota-anggota yang dirasai dapat dicapai dan dikekalkan. Kebolehan nilai pada masa kini ditunjukan oleh kedudukan yang bagaimana yang mereka dapat mencapainya atau disediakan oleh keadaan alam sekitar. Kedudukan-kedudukan nilai sesuatu kumpulan yang dapat dicapai mungkin rendah atau tinggi hubungannya dengan jangkaan-jangkaan nilai.

a) Pendapatan.

Dengan melihat pada jadual 7 dalam bab II iaitu mengenai kedudukan pendapatan anggota komuniti ladang ini, dapatlah diketahui kedudukan kebolehan nilai mereka pada masa sekarang. Kedudukan ini melambangkan keupayaan atau kebolehan komuniti dalam memenuhi nilai jangkaan ekonomi mereka. Dari jadual tersebut, kita dapatti bahawa kebolehan nilai anggota komuniti hanya dapat menghasilkan pendapatan antara \$101 hingga 200 iaitu seramai 64.8%(rujuk jadual 7 dalam bab II, muka surat 26) responden. Sementara itu 21.6% responden mempunyai kebolehan nilai yang dapat memberikan pendapatan kurang dari \$100. Keadaan ini menggambarkan bahawa kebolehan nilai mereka adalah rendah dimana

mereka hanya berpeluang dan berupaya untuk bekerja sebagai boroh ladang sahaja. Sementara itu seorang(2.7%) mendapat gaji antara \$20I hingga 300 dan seramai 2 orang responden pula(5.4%), pendapatannya adalah antara \$30I hingga 400. Ini menunjukan mereka mempunyai nilai kebolehan yang lebih tinggi dari responden lain kerana mereka mempunyai sedikit pengetahuan pelajaran, untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik. Walau bagaimana pun secara keseluruhannya, nilai kebolehan anggota komuniti dari segi pendapatan masa sekarang adalah rendah.

b) Pendidikan.

Berdasarkan pada pendapatan sekarang dan kebolehan anak-anak, responden telah ditanya tentang kebolehan nilai mereka dalam segi pendidikan. Secara mudahnya setakat manakah mereka mampu menyediakan pelajaran anak-anak mereka. Sebagai hasilnya boleh dilihat dalam jadual I8 seperti berikut:-

Jadual I8: Kebolehan nilai responden dalam nilai pendidikan anak-anak mereka.

<u>Jawapan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Universiti/maktab	24	64.8
Lulus Sek. Menengah	II	29.8
Sek. Menengah sahaja	2	5.4
Jumlah	37	100

Berpandukan pada jadual ini, kita lihat bahawa anggota komuniti yakin dan percaya kebolehan nilai mereka dapat memberikan pendidikan untuk anak-anak mereka sampai keperingkat universiti atau

maktab. Dengan itu kebolehan nilai mereka adalah tinggi dimana terdapat seramai 64.8% responden yang mengatakan sedemikian. Hanya sebilangan kecil komuniti sahaja yang nilai kebolehannya rendah bagi menyediakan pendidikan anak-anak setakat sekolah menengah dan lulus dari situ.

Kerendahan dalam kebolehan nilai pendidikan anak-anak bagi sebahagian kecil anggota komuniti ialah kerana disebabkan oleh pendapatan kecil dan anak-anak mereka tidak berapa maju dalam pelajaran. Sementara itu bagi mereka yang nilai kebolehannya tinggi tentang pendidikan anak-anak mereka, mengatakan mereka mampu menyediakan perbelanjaan. Kalau tidak cukup mereka yakin kerajaan akan memberi bantuan kepada anak-anak mereka yang berjaya meneruskan pelajaran ke universiti atau maktab.

c) Politik.

Kebolehan nilai anggota komuniti ladang getah ini untuk terlibat atau turut serta dalam kegiatan politik negara atau tempatan, dapat diperhatikan dalam jadual-jadual berikut:-

Jadual I9: Kebolehan nilai untuk terlibat dalam politik negara(nasional).

<u>Jawapan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Mengundi hanya sekali dalam masa 4 tahun.	15	40.5
Menjadi ahli biasa dalam pertubuhan politik.	13	35.4
Menjadi ahli jawatan kuasa pertubuhan politik(peranan kepimpinan).	9	24.3
Jumlah	37	100

Jadual 19 menunjukan dan membuktikan kebolehan nilai anggota komuniti terhadap penyertaan atau penglibatan politik nasional tidaklah begitu tinggi. Kelihatan bahawa seramai 40.5% responden merasai bahawa kebolehan mereka ialah setakat menjadi pengundi semasa pilihan raya diadakan sahaja. Seramai 35.4% responden percaya nilai kebolehan mereka hanya dapat menjadi ahli biasa dalam pertubuhan parti politik. Terdapat hanya seramai 24.3% responden yang mengatakan mereka ada kebolehan untuk menjadi ahli jawatan kuasa dalam sesuatu pertubuhan parti politik yakni selaku pemimpin biasa. Namun begitu tidak ada seorang pun daripada mereka yang merasai dapat menjadi pemimpin politik di peringkat nasional atau negeri. Alasannya ialah mereka tidak mempunyai pelajaran yang cukup untuk menjadi pemimpin pada peringkat itu.

Jadual 20: Kebolehan nilai responden untuk terlibat dalam politik tempatan.

<u>Jawapan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
<u>Menjadi ahli jawa tan kuasa yang menguruskan komuniti.</u>	5	13.5
<u>Harus bincang mengenai keputusan-keputusan sebelum iaanya dijalankan.</u>	30	81.1
<u>Harus diberitahu mengenai dasar-dasar yang telah diambil.</u>	1	2.7
<u>Tiada penglibatan langsung.</u>	1	2.7
Jumlah	37	100

Gambaran dari jadual 20 tersebut, menunjukan bahawa majoriti anggota komuniti tidak mempunyai kebolehan nilai yang tinggi dalam kegiatan politik tempatan. Keadaan ini dibuktikan oleh seramai 81.1% responden dimana kebolehan mereka hanya-lahuntuk membincangkan keputusan-keputusan yang telah diambil sebelum ianya dilaksanakan. Terdapat sebahagian kecil dari mereka iaitu 13.5% responden yakin mereka ada kebolehan untuk menjadi ahli jawatan kuasa untuk menguruskan kegiatan komuniti dan hal ehwal mereka. Ada juga antara mereka yang tidak mempunyai kebolehan nilai langsung untuk terlibat dalam politik.

Implikasi dari keadaan ini, samada dalam kegiatan nasional atau tempatan, kebolehan nilai anggota komuniti adalah rendah. Faktor penting yang menyebabkan mereka tidak mempunyai kebolehan nilai yang tinggi ialah kerana mereka tidak berpelajaran tinggi malah keadaan ekonomi juga tidak begitu teguh.

d) Kedudukan Peribadi.

Jika kita merujuk kembali kepada jadual I2, dapat diketahui bagaimakah kedudukan peribadi anggota komuniti pada masa sekarang. Kedudukan yang terdapat pada waktu ini membuktikan nilai kebolehan interpersonal mereka, untuk mencapai dan mengelakkan matlamat-matlamat tertentu(cita-cita). Dari jadual tersebut, bant masa sekarang ramai responden yang memilih tangga 5 iaitu 27%, diikuti oleh tangga 4 iaitu 24% responden. Umumnya tangga 3 ialah tangga kedudukan peribadi yang paling terrendah sekali, dipilih oleh 22% responden. Secara keseluruhan-

nya, mean rating kedudukan personal pada masa sekarang ialah 4.7.

Berpendukan pada tangga-tangga tersebut (lihat jadual I2), jelaslah bahawa kedudukan anggota komuniti kebanyakannya adalah dalam keadaan sederhana dan agak miskin. Seterusnya kedudukan personal pada masa sekarang merupakan setakat manakah kebolehan nilai mereka dapat mengekalkan dan mencapai cita-cita dari kedudukan personal yang lepas (5 tahun yang dulu). Kalau dilihat pada mean rating dalam 5 tahun yang lepas iaitu 4.8, maka ini menunjukkan kedudukan komuniti (personal) telah merosot sedikit pada masa sekarang (4.7). Oleh itu ia menggambarkan bahawa mereka tidak berapa berjaya mengekalkan kedudukan dan kebolehan nilai mereka.

Buat masa sekarang selanjutnya, kedudukan personal anggota komuniti keseluruhannya adalah agak miskin dan menghadapi beberapa masalah. Mereka juga tidak mempunyai kebolehan nilai untuk mempertahankan kedudukan dan menyelesaikan masalah-masalah khususnya pada masa hadapan. Masalah besar yang terdapat dalam kedudukan peribadi anggota komuniti ladang getah ini ialah masalah kewangan.

Jadual 2I: Kedudukan peribadi responden pada masa sekarang.

<u>Jawapan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Masaalah kewangan	34	91.9
Tiada masaalah	3	8.1
Jumlah	37	100

Dari jadual 2I, 91% responden mengatakan mereka mengalami masaalah kewangan. Keadaan ini pula akan menimbulkan masaalah lain terutamanya berhubungan dengan pendidikan anak-anak. Timbulnya masaalah ini ialah kerana pendapatan mereka adalah rendah dan tidak mencukupi. Hanya sebilangan kecil responden sahaja yang tidak menghadapi apa-apa masaalah iaitu 8.1%. Oleh itu kelihatan bahawa kebolehan nilai anggota komuniti dalam aspek kedudukan personal mereka adalah rendah.

3) Relative Deprivation(RD).

Seperti mana yang telah diterangkan, RD ditakrifkan sebagai satu keadaan yang timbul dari perbedaan jangkaan nilai dan kebolehan nilai yang dipersepsikan oleh seseorang individu dalam kehidupannya. Keadaan RD juga mungkin dirasai oleh keseluruhan atau sebahagian anggota komuniti(kumpulan), atau masyarakat. Kadar RD yang dirasai juga adalah berbeda-beda intensitinya. Terdapat beberapa cara yang dapat digunakan untuk mengukur keujudan dan intensiti RD. Salah satu daripada cara ukuran itu ialah dengan melihat nisbah(ratio) yang didapati dari perbedaan jangkaan dan kebolehan nilai. Untuk mendapatkan nisbah itu, formula ' $\frac{jn - kn}{jn} \frac{(ve - vc)}{ve}$ ' digunakan.²

'jn' ialah kedudukan nilai yang dijangkakan dan 'kn' ialah kedudukan nilai yang dirasakan dapat dicapai. Menyentuh kembali alat ukuran tadi, tangga yang diberikan adalah antara 0 hingga 1.0. Tangga 0 menunjukan tidak ada keujudan RD; tangga 0.5 pula merupakan gari san tengah(damarcation line)

bagi menentukan intensiti dan kadar RD. Sementara itu tangga I.O menunjukkan kadar RD yang paling tinggi dirasai peringkatnya. Jadi berdasarkan pada alat dan formula ini, penelitian dan penganalisaan akan diperhatikan mengenai keujudan dan kadar RD dalam komuniti ladang getah Sungai Bagan. Pemerhatian keujudan RD merangkumi beberapa aspek:-

a) Pendapatan.

Berpandukan pada jangkaan dan kebolehan nilai dari segi pendapatan yang terdapat pada responden, perbedaan antara nilai-nilai tersebut dapat menunjukkan RD ujud atau tidak dikalangan mereka. Untuk mengetahui keujudannya, bolehlah dirujuk pada jadual dibawah:-

Jadual 22: Peratus kadar RD responden dari segi pendapatan.

Kadar RD	Bilangan	Peratus
0	2	5.4
0.1	1	2.7
0.2	7	18.9
0.3	5	13.5
0.4	12	32.5
0.5	8	21.6
0.6	2	5.4
Jumlah	37	100

Mean Rating = 0.3

Tangga-tangga yang berada dibawah 0.5 menunjukkan perasaan RD dikalangan responden adalah rendah kadarnya. Tetapi tangga-tangga yang diatas 0.5(0.6, 0.7, 0.8 dan seterusnya) meng-

gambaran ketinggian kadar RD dirasai oleh mereka. Dengan itu jelaslah bahawa kadar RD yang dirasai oleh anggota komuniti ladang ini tidaklah begitu tinggi (rujuk pada jadual 22).

Kelihatan bahawa majoriti responden iaitu seramai 32.5% mengalami RD yang agak rendah dimana kadarnya ialah 0.4. Begitu juga dengan seramai 13.5%, 18.9% dan 2.7% responden merasai RD yang lebih rendah kadarnya iaitu 0.3, 0.2, dan 0.1. Terdapat juga dikalangan mereka seramai 5.4% yang tidak mengalami RD langsung dimana kadar RD ialah 0. Sebaliknya hanya sebahagian kecil responden sahaja yang mengalami kadar RD yang tinggi, seperti yang dibuktikan oleh seramai 5.4% responden (0.6). Dengan itu dapat dirumuskan bahawa keujudan dan kadar RD yang dirasai oleh anggota komuniti ladang ini dalam perbedaan jangkaan dan kebolehan nilai pendapatan tidak menunjukkan intensiti yang tinggi. Mean rating bagi RD dalam aspek ini begitu rendah sekali iaitu 0.3.

b) Pendidikan.

Perbedaan antara jangkaan dan kebolehan nilai komuniti dalam aspek pendidikan juga dapat menentukan keujudan RD di-kalangan mereka. Mengikut gambaran yang terdapat dalam jadual 23, kedapatan bahawa perasaan RD dan kadarnya paling rendah sekali dirasakan oleh responden. Seramai 64.8% tidak merasai apa-apa RD langsung. Kalau pun ujud RD, kadar yang dirasai tidak melebihi tngga 0.5 seperti yang dirasai oleh seramai 29.8% dan 5.4% responden. Kesimpulannya RD tidak timbul atau ujud dengan meluncur intensitinya dalam aspek pendidikan (lihat jadual 23).

Jadual 23: Peratus RD responden dalam aspek pelajaran(pendidikan).

<u>Kadar RD</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
0	24	64.8
0.1	-	-
0.2	II	29.8
0.3	-	-
0.4	<u>2</u>	<u>5.4</u>
Jumlah	<u>37</u>	<u>100</u>

Mean Rating =0.08.

c) Politik.

Sepertimana yang telah ditegaskan bahawa kegiatan politik komuniti ladang ini terbahagi kepada dua iaitu politik nasional dan politik tempatan. Sekali lagi kita dapati bahawa keujudan RD dikalangan komuniti dalam aspek politik nasional dan tempatan begitu rendah sekali dirasakan. Kebanyakan daripada mereka tidak mengalami RD langsung iaitu seramai 89.2% dalam politik

Jadual 24: Peratus RD responden dalam kegiatan politik nasional dan tempatan.

<u>Kadar RD</u>	<u>Politik nasional</u>		<u>Politik tempatan</u>	
	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
0	33	89.2	36	97.3
0.1	-	-	-	-
0.2	2	5.4	-	-
0.3	I	2.7	-	-
0.4	-	-	I	2.7
0.5	<u>I</u>	<u>2.7</u>	-	-
Jumlah	<u>37</u>	<u>100</u>	<u>37</u>	<u>100</u>

Mean Rating

0.03

0.01

merasai RD khususnya dalam politik nasional, namun kadarnya masih rendah(0.3 dan 0.2). Dengan itu jelaslah bahawa nilai politik tidak begitu penting fungsinya pada anggota komuniti ladang ini. Jika dilihat pada mean rating RD, ianya menggambarkan keujudan yang rendah selali iaitu 0.03 dalam politik nasional dan 0.01 untuk politik tempatan. Jadi secara umumnya tidak terdapat perbezaan antara jangkaan dan kebolehan nilai politik yang luas dalam komuniti ini.

d) Kedudukan antara peribadi dan negara.

Untuk mengetahui samada ujud atau tidak RD dikalangan responden(komuniti) mengenai kedudukan personal mereka dan negara, kita dapat merujuk pada jadual I2 dan I3. Dari jadual tersebut, kita dapat perhatikan setakat manakah jangkaan perubahan kedudukan yang dialami oleh mereka dan negara pada masa sekarang dan dibandingkan dengan kedudukan pada masa hadapan. Jika perubahan kedudukan personal atau negara dalam jarak masa ini(sekarang kepada akan datang) menuju kearah tangga 2, 1 atau 0; ini menunjukkan bahawa responden menghadapi kesusahan serta masalah dan sekali gus pula mungkin RD akan ujud dikalangan mereka. Sebaliknya, jika perubahan kedudukan personal atau negara dijangkakan meningkat kepada tangga 6, 7 atau 8; ianya menuju kearah kesenangan dan mungkin RD tidak akan ujud dikalangan mereka pada peringkat ini.

Seterusnya jika diperhatikan 'mean rating' kedudukan personal responden, kedudukan pada masa sekarang telah merosot sedikit dari kedudukan dalam masa 5 tahun yang lepas. Seperti

masa yang terdapat dalam jadual 25 bahawa kadar perubahan mean rating antara kedudukan masa sekarang dengan masa dahulu ialah hanya 0.1 sahaja. Tetapi mereka semua (responden) yakin akan menjadi senagg pada masa hadapan dimana kadar perubahan mean

Jadual 25: Kadar perubahan 'mean rating' dalam kedudukan 'personal' dan kedudukan negara.

Kadar perubahan	Personal	Negara
5 tahun dulu - sekarang	0.1(4.8-4.7)	-0.3(4.2-4.5)
Sekarang - 5 tahun akan datang	-1.3(4.7-5.4)	0.8(4.5-3.7)
5 tahun dulu - 5 tahun akan datang.	-1.4(4.8-5.4)	0.5(4.2-3.7)

rating dengan masa sekarang ialah -1.3. Begitu juga dengan kadar perubahan mean rating kedudukan personal dalam 5 tahun dulu dengan 5 tahun akan datang, ianya tidak menunjukkan perubahan yang besar, hanya sebanyak -1.4. Sebagaimana rumusannya, dalam jangkamasa-jangkamasa ini kadar RD terhadap kedudukan personal adalah sangat rendah dikalangan responden.

Dalam hal kedudukan negara pada masa sekarang pula, didapati bahawa kedudukannya agak lebih baik sedikit daripada kedudukan yang lepas. Kedudukan yang terdapat pada masa lepas dan sekarang tidak dapat dikekalkan oleh negara, kerana responden mengatakan bahawa kedudukan itu akan merosot pada masa hadapan. Jika kita lihat pada jadual 25 dimana kadar perubahan mean rating kedudukan negara pada masa lepas hingga masa sekarang ialah -0.3. Ini membuktikan bahawa responden tidak mengalami RD kerana kedudukan negara adalah senagg sedikit.

Tetapi kadar perubahan mean rating antara kedudukan sekarang dengan 5 tahun akan datang begitu luas sekali jurang perbedaan-nya, iaitu sebanyak 0.8. Kadar perubahan ini juga lebih tinggi dari kadar perubahan mean rating antara 5 tahun dulu dengan 5 tahun akan datang, dimana kadar perubahannya ialah 0.5. Jadi, ini menunjukkan bahawa kedudukan negara pada masa hadapan akan menghadapi kesusahan dan masalah yang lebih serius dari masa sekarang. Kebanyakan mereka mengatakan masalah itu meliputi aspek politik khususnya keselamatan dalam negara. Dengan itu jika dilihat pada kadar perubahan yang begitu tinggi antara masa sekarang dengan masa hadapan, ia menunjukkan bahawa anggota komuniti merasai RD yang tinggi terhadap kedudukan negara.

Apa yang dapat dilihat dalam kedua-dua kedudukan yang diuraikan diatas ialah perbedaan antara kedudukan personal responden dengan kedudukan negara. Dalam kedudukan personal, responden mengjangkakan akan berubah kepada kesenangan dan mereka yakin aspirasi itu dapat dicapai (lihat jadual I4, I5 dan I6). Sementara itu kedudukan negara pula akan menjadi lebih susah dan ini sudah tentulah tidak akan dapat menjamin dan menyediakan peluang-peluang nilai dengan sempurnanya. Oleh itu berdasarkan perbedaan ini (kedudukan), boleh dikatakan bahawa responden merasa bimbang cita-cita untuk mengubah kedudukan personal mereka tidak akan tercapai. Walau bagaimana pun, perasaan RD belum lagi begitu tinggi dirasai oleh anggota komuniti ladang ini tetapi unsur-unsur untuk menuju kearah kekecewaan (RD) sudah mulai kelihatan.

e) Perbincangan Umum Mengenai Ketidak Puasan Hati dan Kemarahan, (Discontentment).

Sebagaimana yang diterangkan dalam bab II, bahawa salah satu daripada sumber keujudan RD ialah perasaan ketidak puasan hati dan kemarahan. Kehadiran unsur-unsur ini dalam diri seseorang individu akan menentukan setakat manakah kadar atau derajah RD akan dialami. Jadi dengan berdasarkan pada keadaan tertentu seperti dalam jadual dibawah, boleh diketahui setakat mana perasaan tidak puas hati ujud dikelangan komuniti ladang getah ini.

Jadual 26: Jawapan 37 orang responden mengenai hal-hal yang berhubungan dengan ketidak puasan hati.

<u>Perkara</u>	<u>Puas hati</u>		<u>Tidak puas hati</u>	
	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Orang-orang Melayu yang semakin kaya telah menyukarkan untuk meninggikan taraf hidup anda.	23	62.2	14	37.8
Orang-orang bukan Melayu yang semakin kaya telah menyukarkan untuk meninggikan taraf hidup anda.	10	27.0	27	72.9
30% ekonomi negara dikhaskan untuk Bumiputera.	37	100	-	-
Sebahagian kecil sahaja yang menjadi kaya sedangkan sebilangan besar tetap miskin.	-	-	37	100

Jadual 26 dengan jelas menunjukan bahawa ketidak puasan hati akan dirasai oleh responden apabila mereka mengalami kesukaran untuk memenuhi jangkaan nilai mereka. Salah satu perkara yang dititik beratkan ialah peluang nilai yang dapat disediakan oleh orang-orang Melayu dan bukan Melayu yang semakin kaya. Rengkasnya adakah anggota komuniti rasa sukar atau tidak untuk meninggikan taraf hidup mereka dengan adanya golongan orang kaya tersebut. Tentang terdapatnya peluang-peluang disediakan oleh orang-orang Melayu yang semakin kaya, kira-kira 62.2% responden berpuas hati dengan kejayaan golongan ini. Responden merasa suka hati dan percaya orang-orang ini tidak menyukarkan dalam meninggikan taraf hidup mereka. Responden juga yakin bahawa orang-orang Melayu yang kaya akan membantu dan menolong mereka. Hanya seramai 43.2% responden sahaja yang tidak gembira dan tidak puas hati dengan keadaan ini.

Sementara itu majoriti responden, iaitu 72.9% mengatakan orang-orang bukan Melayu yang semakin kaya akan menyukarkan untuk meninggikan taraf hidup mereka. Mereka berpendapat orang-orang bukan Melayu tidak akan menolong dan membantu mereka. Dengan ini jelaslah bahawa perasaan ketidak puasan hati dalam hal ini adalah didasarkan pada faktor ras. Anggota komuniti mempunyai keyakinan dan kepercayaan pada bangsa sendiri (Melayu) daripada bangsa lain tentang sukar atau tidaknya untuk meninggikan taraf hidup mereka. Mereka juga akan lebih gembira jika orang-orang Melayu menjadi kaya lebih ramai daripada bangsa asing.

Keujudan perasaan ketidak puasan hati juga diperhatikan dari segi pendapatan responden dibandingkan dengan pendapatan kumpulan lain seperti pemilik-pemilik kilang, peniaga-peniaga besar, tuan-tuan tanah dan lain-lain. Umumnya apabila ditanyakan 'kumpulan manakah yang mendapat keuntungan(pendapatan) yang paling besar sejak 5 tahun dahulu - majoriti responden berpendapat kumpulan itu ialah pemilik kilang dan orang-orang yang menjalankan perniagaan-perniagaan yang besar. Seterusnya responden telah memberikan anggaran yang berbeza-beza mengenai pendapatan kumpulan tersebut seperti dalam jadual berikut:-

Jadual 27: Jawapan responden terhadap anggaran pendapatan bulanan pemilik kilang dan perniagaan yang besar.

<u>Jawapan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
kurang dari \$5,000	16	43.2
\$5,001 - 10,000	8	21.6
10,001 - 15,000	7	18.9
15,001 - 20,000	4	10.4
20,001 - 50,000	2	5.4
lebih dari \$50,000	—	—
Jumlah	<u>37</u>	<u>100</u>

Gambaren dari jadual ini membuktikan bahawa kebanyakannya kumpulan pemilik kilang dan perniagaan besar mendapat keuntungan kurang dari \$5,000 sebulan, seperti yang dikatakan oleh seramai 43.2% responden. Hanya sebilangan kecil responden

sahaja ialah 5.4% yang mempercayai bahawa kumpulan ini mendapat keuntungan diantara \$20,000 hingga 50,000 dalam jangka masa 5 tahun. Secara keseluruhannya, anggaran-anggaran ini menunjukan bahawa kumpulan-kumpulan ini memang mendapat keuntungan yang besar jika dibandingkan dengan pendapatan responden. Akibat jurang perbedaan yang begitu besar, kebanyakannya daripada mereka (anggota komuniti) mengatakan tidak puas hati terhadap keadaan ini. Alasan-alasan yang diberikan ialah bahawa kumpulan ini melakukannya kerja yang senang tanpa mengeluarkan tenaga yang banyak, dan mendapat keuntungan yang berlipat ganda. Sebaliknya pula, mereka (responden) bekerja berat dan susah tetapi mendapat hasil yang jauh lebih kecil malah tidak mencukupi untuk menyara kehidupan mereka.

Jadual 28: Jawapan responden terhadap perbedaan pendapatan mereka dengan pemilik-pemilik kilang dan perniagaan besar.

<u>Jawapan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Terlalu tidak adil	17	45.9
Tidak adil	10	27.0
Adil	10	27.0
Jumlah	37	100

Seramai 45.9% responden bersetuju bahawa jurang perbedaan pendapatan itu adalah terlalu tidak adil dan 27% mengatakan sebagai tidak adil. Jadi secara umumnya jurang perbedaan itu dirasakan oleh mereka sebagai tidak adil yakni

ujud perasaan tidak puas hati terhadap perkara ini. Walaubagaimana pun ada juga dikalangan mereka merasakan jurang perbedaan pendapatan itu sebagai adil atau patut. Golongan pemilik kilang atau peniaga besar-besaran itu patut mendapat keuntungan yang banyak kerana mereka mempunyai kecekapan, kepandaian dan kemahiran. Dengan itu 27% responden tidak merasa apa-apa tentang jurang pendapatan itu. Sebagai rumusannya, kita dapat majobiti responden atau komuniti merasa tidak puas hati berhubung dengan hal ini sepetimana yang terdapat dalam jadual 28 itu. Oleh yang demikian, boleh dikatakan sebahagian besarnya anggota komuniti telah mengalami RD dalam nilai kebajikan khususnya ekonomi tetapi belumlah begitu tinggi kadarnya.

4) Hubungan RD Dengan Ketidak Puasan Hati Serta Kemarahan yang Dipolitikkan(Politicized Discontent).

Dalam bab III telah diterangkan bagaimana Ted Gurr menganalisa salah satu akibat RD ialah lahirnya kekerasan kolektif dan kekerasan politik. Umumnya kekerasan kolektif adalah bertujuan untuk mencapai matlamat-matlamat kumpulan tanpa melibatkan unsur-unsur politik. Bentuk-bentuk kekerasan kolektif tanpa penglibatan politik ialah seperti rusuhan antara kumpum, mogok oleh para pekerja terhadap majikan, boikot dan lain-lain. Walaubagaimana pun, kita dapat sekarang ini banyak kelakuan kekerasan terpaksa melibatkan sistem politik. Oleh itu kekerasan kolektif dapat berubah kepada kekerasan politik apabila perasaan RD yang dialami oleh kumpulan-kumpulan dihubungkan dengan kendalian politik(politicized). Jadi kekerasan

politik mungkin akan berlaku apabila orang ramai berpendapat bahawa sistem politik, agen-agen, dasar-dasar dan pendokong-pendokongnya (pegawai tadbir) yang menyebabkan mereka mengalami RD seperti kekecewaan dan ketidak puasan hati.

Untuk berlakunya sesuatu kekerasan kolektif atau politik, perasaan RD yang dialami oleh kumpulan tidak semestinya merupakan punca utama. Sebaliknya terdapat faktor-faktor sampingan seperti pemberian normatif dan 'utilitarian', kepercayaan anggota kumpulan terhadap sumber kekerasan, kejadian kekerasan dimasa-masa yang lepas dan yang pentingnya ialah pengesahan terhadap sistem pemerintah (politik). Menyentuh tentang pemberian yang normatif terhadap penggunaan kekerasan, maksudnya ialah adakah kelakuan itu dianggap sebagai tradisi budaya (norma) yang berpatutan (justified) bagi mencapai dan mengekalkan matlamat kumpulan. Sementara itu pemberian 'utilitarian' pula bermaksud apakah penggunaan kekerasan itu akan menghasilkan kejayaan kepada anggota kumpulan dalam mencapai dan mengekalkan kedudukan nilai matlamat mereka atau sebaliknya. Umumnya utiliti kelakuan kekerasan adalah terletak pada kejayaan pelakuan kekerasan yang berlaku masa-masa yang lepas.

Dalam konteks komuniti ladang getah ini, pemberian normatif terhadap penggunaan kekerasan tidak begitu jelas dan tegas. Terdapat kebanyakannya daripada mereka iaitu 59.4% responden tidak mahu menggunakan kekerasan. Ini adalah kerana mereka tidak yakin pelakuan kekerasan akan memberi kebaikan kepada mereka. Cara yang sesuai bagi mereka untuk menyelesaikan masalah

yang dihadapi ialah dengan cara tolak ansur dan berunding dengan pegawai-pegawai tertentu.

Jadual 29: Jawapan responden terhadap tindakan yang akan diambil untuk menyelesaikan masaalah yang dihadapi.

<u>Jawapan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Berjumpa dengan pegawai awam bagi menyelesaikan masalah tersebut.	22	59.4
Mengadakan perjumpaan awam untuk membincangkan masaalah tersebut.	3	8.1
mogok/demonstrasi.	2	5.4
Melakukan kekerasan.	10	27.0
Jumlah	37	100

Dari jawapan ini nyatakan bahawa pelakuan kekerasan tidak menjadi dokongan yang penting sebagai pemberian normatif oleh anggota komuniti. Sungguh pun kebanyakan mereka bersetuju dengan cara Nabi Muhammad menghapuskan kezaliman dan ketidak adilan, namun mereka merasa penggunaan kekerasan pada masa sekarang adalah tidak berpatutan. Mereka tetap yakin bahawa masaalah-masaalah yang dihadapi seperti tidak cukup makan, ketidak adilan dan lain-lain dapat diselesaikan melalui rundingan dan toleransi. Dalam pada itu pun, ada sebahagian daripada mereka yang berpendapat penggunaan kekerasan adalah berpatutan. Seramai 27% responden ingin melakukan kekerasan jika terdapat-

nya ketidak adilan dan penindasan serta untuk menyelesaikan masalah besar seperti rasuh, ketidak samaan, makan tidak cukup dan sebagainya. Mereka semua bersetuju dengan tindakan Nabi Muhammad menghapuskan ketidak adilan dan ketidak samaan dengan kekerasan, dan kalau boleh ingin mengikuti cara itu untuk menyelesaikan masalah. Walaupun begitu, secara keseluruhannya pemberian normatif dalam komuniti ini tidak begitu tinggi seperti yang ditunjukkan dalam jadual 29.

Seterusnya pemberian 'utilitarian' juga penting dalam menentukan kejadian-kejadian kekerasan kolektif dan politik. Jika pelakuan kekerasan sering berlaku dan anggota kumpulan dapat mencapai matlamat melalui pelakuan tersebut, utiliti penggunaan kekerasan adalah penting. Kalau pelakuan kekerasan dimasa yang lampau sering mendatangkan kejayaan, ianya akan lebih dipercayai bahawa kekerasan patut dilakukan untuk menyelesaikan masalah. Sehubungan dengan faktor ini, kalau diperhatikan dalam komuniti ladang ini, pelakuan kekerasan tidak pernah berlaku pada masa-masa yang lampau. Dengan itu kesimpulannya ialah bahawa utiliti penggunaan kekerasan adalah tidak memainkan peranan penting dalam komuniti ini.

Pengesahan terhadap sistem pemerintahan juga mempunyai perkaitan yang rapat dalam kejadian politik. Jika sesuatu regim atau pemerintah tidak mendapat pengesahan dari golongan massa(rakyat), terutamanya apabila sistem politik gagal menjalankan fungsinya dalam memenuhi kehendak-kehendak massa. Mengenai perkara ini, keseluruhan anggota komuniti ladang ini menyokong sistem pemerintahan sekarang. Mereka juga yakin

bahawa kerajaan yang memerentah telah mendapat kuasa dari rakyat secara sah dan adil, iaitu melalui pilihan raya. Mereka juga menyatakan bahawa pihak kerajaan telah banyak menyediakan kemudahan-kemudahan untuk kehidupan mereka. Antara projek-projek yang telah diadakan untuk kesenangan mereka termasuklah kemudahan pendidikan, kesihatan dan lain-lain. Di samping itu pula pihak ladang juga telah menyediakan kemudahan-kemudahan seperti bekalan letrik dan air, tempat kediaman pekerja(barrack) dan sebagainya. Dengan keadaan ini, majoriti komuniti mengatakan bahawa projek-projek dan rancangan-rancangan yang telah dijalankan berjaya memenuhi jangkaan-jangkaan nilai mereka. Jadi tidak terdapat perasaan tidak puas hati dikalangan mereka terhadap sistem pemerentahan sekarang.

Walaupun komuniti ladang getah Sungai Bagan berpuas hati dengan kerajaan sekarang ini, mereka tidak menafikan bahawa negara sekarang menghadapi masaalah-masaalah yang serius. Tetapi mereka yakin bahawa pihak kerajaan dapat mengawal dan mengatasi masaalah-masaalah itu seperti inflasi, keselamatan dalam negara dan lain-lainnya. Dari penelitian yang dilakukan, masaalah-masaalah yang dihadapi oleh negara pada pandangan mereka ialah seperti berikut:-

Jadual 30: Masaalah besar yang sedang dihadapi oleh Negara.

<u>Jawapan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Inflasi	9	24.3
Hubungan perkauman	3	8.1
Keselamatan dalam negara	24	64.8
Ketidak samaan	1	2.7
Jumlah	37	100

Mengikut jadual 30, seramai 64.8% responden mengatakan keselamatan dalam negara (internal security) merupakan masaalah yang serius dialami oleh negara sekarang. Antara masaalah-masaalah tersebut ialah ancaman komunis, penyalah-gunaan dadah, kegiatan jenayah, keruntuhan moral dan akhlak dikalangan anak-anak muda dan seterusnya. Masaalah-masaalah lain seperti inflasi, hubungan perkauman dan ketidak samaan merupakan masaalah yang tidak serius pada pandangan mereka.

Anggota komuniti ini juga menyokong penuh tentang tindakan-tindakan kerajaan dalam menyelesaikan masaalah-masaalah tersebut. Kata mereka, walaupun kerajaan tidak berapa berjaya mengatasinya dalam masa 10 tahun yang lepas, tetapi kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menghapuskannya. Mereka bersetuju dengan langkah kerajaan memperbesarkan angkatan bersenjata dan polis, pengenaan hukuman yang lebih berat kepada pengkhianat-pengkhianat negara. Mereka juga percaya bahawa kerajaan telah banyak menjalankan rancangan-rancangan pembangunan untuk kesenangan rakyat dan negara. Dari pada penjelasan ini, jelaslah kepada kita bahawa sistem pemerintahan mendapat pergesahan mutlak daripada mereka. Dan dalam keadaan ini perasaan tidak puas hati mungkin tidak akan ujud dikalangan komuniti ini.

Untuk memberi kesimpulan kepada penerangan diatas mengenai perkara-perkara dan keadaan yang mengujudkan RD, khususnya perasaan tidak puas hati dan kemarahan serta akibatnya pada kekerasan kolektif atau politik, rumusan-rumusan berikut telah didapati:-

i) Kelihatan bahawa jarak perbedaan antara jangkaan dengan kebolehan nilai anggota komuniti ladang getah Sungai Bagan adalah rendah sekali. Oleh itu keadaan ini tidak menimbulkan perasaan RD yang tinggi(extreme) dalam semua bentuk kedudukan nilai seperti nilai kebijikan, kekuasaan dan 'inter-personal'.

ii) Berhubungan dengan perkara diatas, secara keseluruhan-nya tidak terdapat RD yang dikaitkan dengan keadaan sekiter atau sistem politik(politicized). Sistem politik dan cara pemerintahan mendapat pengesahan dan sokongan dari anggota komuniti ini. Dengan itu kekerasan kolektif dan politik tidak mungkin berlaku pada masa sekarang ini.

iii) Walaupun penulis mendapati bahawa anggota komuniti tidak mengalami RD, tetapi unsur-unsur yang terdapat pada diri responden menuju kearah aspek tersebut.

CATITAN KAKI

- 1) Lihat Hadley Cantril, 'The Politics of Despair', New York, Collier Books, 1958, 1962, halaman 67.
- 2) Gurr, R. T., 'Why Men Rebel', New Jersey, Princeton University Press, 1970, halaman 64.

Bagan besar yang tidak ada pertama mereka. Lanjutkanlah dengan beraksara-perspektif atau mencari dan analis klasifikasi mereka telah mengalami ketidak-telitian. Misalkan dalam klasifikasi politik pertama mereka tidak ada klasifikasi. Klasifikasi-perspektif pertama beraksara-perspektif, mereka mencari klasifikasi dan mencari klasifikasi-perspektif. Maka klasifikasi-perspektif mereka tidak ada klasifikasi. Dapatkah mereka mencari klasifikasi-perspektif? Maka klasifikasi-perspektif mereka yang memang klasifikasi-perspektif yang mereka mencari.

Pengalihaksaraan subjektif dan telah memperbaikinya dan hal ini dilakukan tidak ada lengkap kecuali di dalam pengalihaksaraan subjektif ini. Dan halau ada pun, hal yang diambil adalah pada peringkat yang paling rendah sekali. Timbulnya hal seperti ini telah karena jauhnya perbedaan antara pengalihaksaraan dengan klasifikasi nilai. Pengalihaksaraan memang terwujud rendah. Kondisi ini masing-masing jika dituliskan kecuali masih jangkaan dan klasifikasi suggata klasifikasi seperti dalam nilai, klasifikasi(pendekatan dan pendekatan); nilai kelembutan(soliditi dan kuatkuat) dan nilai 'interpersonal' (kebutuhan perihati dan negasi).

BAB V

PENUTUP DAN KESIMPULAN.

Dalam bab ini penulis akan cuba membuat ulasan dan kesimpulan mengenai kajian ini. Secara ringkas, apa yang hendak diterangkan ialah keadaan anggota komuniti ladang getah Sungai Bagan dari segi nilai dan perasaan mereka. Lanjutan daripada perkara-perkara yang berkaitan itu ialah kemungkinan samada boleh membawa kepada 'relative deprivation' khususnya perasaan ketidakpuasan hati serta kemarahan. Kalau terdapatnya perasaan tersebut, setakat manakah kadarnya dan apakah ia berkemungkinan untuk terjadinya kekerasan kolektif atau politik. Secara mudahnya, adakah terdapat unsur-unsur yang menunjukkan kecenderungan kearah pelakuan tersebut.

Penyelidikan yang dijalankan dikawasan ini telah memperlihatkan dan boleh dikatakan tidak ada langsung keujudan RD dikalangan komuniti ladang getah ini. Dan kalau ada pun, kadar RD yang dirasai adalah pada peringkat yang paling rendah sekali. Timbulnya keadaan seperti ini ialah kerana jurang perbedaan antara jangkaan nilai dengan kebolehan nilai dikalangan mereka adalah tersangat rendah. Keadaan ini memang benar jika diteliti kesemuanya spek jangkaan dan kebolehan anggota komuniti seperti dalam nilai kebaikan(pendapatan dan pendidikan); nilai kekuasaan(politik nasional dan tempatan) dan nilai 'interpersonal' (kedudukan peribadi dan negara).

Menyentuh tentang aspek pendapatan, jangkaan nilai anggota komuniti ialah untuk mendapat bayaran(gaji) bulanan antara \$100 hingga 200. Begitu juga dengan kebolehan nilai, mereka hanya mempunyai keupayaan untuk berusaha hingga tercapai tingkat pendapatan itu sahaja. Dalam aspek pendidikan, jangkaan nilai mereka sangat tinggi(hingga keperingkat universiti atau maktab), tetapi kebolehan nilai mereka sebaliknya juga tinggi. Berhubung dengan politik pula(nasional dan tempatan), jangkaan nilai mereka untuk terlibat begitu rendah sekali. Kerendahan nilai ini menyebabkan kebanyakkan anggota komuniti bersikap apathetic dan 'indifferent' dalam kegiatan politik. Oleh kerana sikap inilah mereka tidak mempunyai kebolehan nilai yang tinggi untuk terlibat dalam politik dengan lebih giat dan mendalam.

Begitu juga dengan jangkaan nilai mereka mengenai kedudukan personal dan negara. Boleh dikatakan mereka semuanya telah berpuas hati dengan kedudukan personal dan negara yang terdapat sekarang. Anggota komuniti percaya bahawa mereka mempunyai keupayaan untuk memperbaiki kedudukan peribadi mereka. Kehadiran negara sebaliknya akan mengalami masalah yang lebih banyak, tetapi mereka percaya negara mempunyai keupayaan menghadapi dan menyelesaikan masalah yang timbul. Namun secara keseluruhannya, kita dapat jurnal perbedaan antara jangkaan nilai dan kebolehan nilai mereka tidak tinggi. Dengan itu jelaslah bahawa RD yang dirasai oleh mereka juga tidak tinggi kandurnya.

Pada pandangan penulis, faktor yang menyebabkan anggota komuniti mempunyai jangkaan dan kebolehan nilai yang rendah dalam kehidupan mereka ialah 'pelajaran'. Sepertimana yang diketahui, kebanyakannya daripada mereka adalah buta huruf. Dengan ketiadaan pelajaran yang mencukupi, sudah tentu jangkaan nilai mereka rendah, kerana mereka tidak mempunyai kepandaian dan kecekapan(kebolehan nilai) yang tinggi. Jadi mereka mempunyai jangkaan-jangkaan yang difikirkan sebagai berpatutan dengan keupayaan atau kebolehan mereka. Oleh itu boleh dikatakan bahawa anggota komuniti ini adalah berpuas hati dengan jangkaan dan kebolehan yang ada dan dapat dikenalkan oleh mereka.

Dengan tiadanya perasaan RD dialami oleh anggota komuniti maka tidak mungkin kekerasan secara kolektif atau politik akan berlaku. Daripada penelitian yang dilakukan, tidak terdapat unsur-unsur ketidak puasan hati serta kemarahan terhadap layanan yang diberikan oleh pihak majikan ladang kepada mereka. Banyak kemudahan-kemudahan asas telah disediakan oleh pihak majikan ladang bagi kemudahan pekerja-pekerjanya seperti rumah kediaman (barrack), bekalan air dan elektrik, bentuan pelajaran(yayasan) untuk anak-anak pekerja dan lain-lain lagi. Selain daripada itu pula, jika terdapat apa-apa tuntutan dari pekerja mengenai kendaan kehidupan mereka, biasanya tuntutan-tuntutan itu dilayani oleh pihak majikan dan diselesaikan dengan baiknya. Dengan kendaan yang begini, penulis rasa keujudan kekerasan secara kolektif tidak mungkin akan berlaku dalam masa sekarang ini,

Seterusnya, dikalangan anggota komuniti ini juga, kekerasan politik juga tidak mungkin akan terjadi. Telah dikatakan bahawa mereka mempunyai sikap yang negatif terhadap kegiatan politik, jadi sudah semestinya tidak akan timbul RD yang dihubungkan dengan keadaan politik (*politicized*). Kedapatlah bahawa keseluruhan anggota komuniti adalah berpuas hati dengan keadaan politik, dimana mereka semua memberikan sokongan penuh terhadap kerajaan yang memerentah sekarang. Dalam pada itu pula, kerajaan mempunyai strategi yang baik dalam mengawal keadaan negara. Sistem dan dasar politik negara (kerajaan) yang terdapat sekarang memerentah dengan adil dan hasil-hasil negara dibahagikan kepada rakyat dengan sama rata. Walaupun pada realitinya tidak ujud keadaan ini, tetapi kerajaan telah berjaya dengan cara-cara propagandanya meyakini hati rakyat bahawa negara adalah stabil dan terjamin.

Sehubungan dengan ini, pelakuan kekerasan bukan merupakan pilihan yang sesuai atau manfaat bagi mereka bertindak terhadap kerajaan untuk mencari sesuatu matlamat ataupun menyelesaikan masalah. Mereka lebih suka bertindak dengan cara rundingan dengan pihak-pihak yang bertanggung jawab untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi. Jadi pada mereka, pembenaran normatif, dan pembenaran 'utilitarian' terhadap penggunaan kekerasan tidak memainkan peranan yang penting. Akhirnya, penulis mendapati bahawa mereka masih lagi belum menunjukkan keadaan yang boleh dikatakan sebagai merasai perasaan RD dan juga 'politicized discontent' yang sebenarnya.

Dalam penyusunan kajian ini, penulis telah mendapati beberapa kelemahan sejak awal hingga keakhirnya dan diantarnya adalah seperti berikut:-

a) Sample yang digunakan adalah terlalu kecil atau kurang tepat untuk dijadikan wakil atau populasi yang besar. Oleh itu, sample ini hanya sesuai untuk populasi ditempat penulis menjalankan penyelidikan.

b) Berdasarkan tajuk dan tujuan kajian ini didapati ia tidak begitu tepat. Aspek-aspek RD dan 'politicized discontent' tidak begitu banyak dibincangkan.

c) Kelemahan dari segi isi dan analisa juga didapati. Sebahagian besarnya dibuat berdasarkan pemikiran penulis sendiri. Buku-buku rujukan ada digunakan tetapi semuanya adalah menggunakan konsep-konsep yang lahir dari penyelidikan yang dilakukan dinegara-negara Barat yang mungkin tidak sama keadaannya dengan disini.

d) Masa kajian yang pendek juga membuat kajian ini tidak lengkap.

Walau bagaimana pun, kelemahan-kelemahan tersebut tidak dapat dielakan kerana kajian ini adalah merupakan yang pertama sekali pernah penulis jalankan. Pengalaman yang ada pada penulis amatlah sedikit. Hanya dari petunjuk penyelia dan dari pembacaan penulis tentang cara-cara menjalankan kajian sahaja yang banyak menolong penulis sehingga dapat disiapkan. Akhirnya penulis harapkan akan ada lagi kajian-kajian yang dapat dijalankan mengenai subjek yang sama atau berlainan pendekatannya.

- I. Berkowitz, Leonard., 'Aggression: A Social Psychological Analysis', New York, McGraw Hill, 1962.
2. Bottomore, T. B., 'The Sociology: A Guide to Problems and Literature', Unwin University Books, London, 1966.
3. Cantril, Hadley., 'The Politics of Despair', New York, Collier Books, 1966.
4. Clinard, Marshal B.(ed.), 'Anomie and Deviant Behaviour: A Discussion and Critique', New York, The Free Press, 1964.
5. Coser, Lewis A., 'Continuities in the Study of Social Conflict', New York, The Free Press, 1968.
6. Davies, James C., 'Human Nature in Politics', New York, Wiley, 1963.
7. Davies, James C., 'Toward A Theory of Revolution', dalam American Sociological Review, XXVIII, February, 1962.
8. Davies, James C., 'When Men Rebel and Why', New York, The Free Press, 1970.
9. Durkheim, E., 'The Division of Labour in Society', diterjemahkan oleh G. Simpson, Glencoe, The Free Press, 1947.
10. Dollard, John.(et al.), 'Frustration and Aggression', New Haven, Yale University Press, 1939.
- II. Feshbach, Seymour., 'The Function of Aggression and The Regularities of Aggressive Drive', dalam Psychological Review, LXXI, July, 1964.
12. Galtung, Johan., 'A Structural Theory of Aggression', Journal of Peace Research, No. 2, 1964.

- I3. Graham, Hugh Davis dan Ted Robert Gurr(eds.), 'Violence in America: Historical and Comparative Perspectives.' Washington, D.C.: National Commission on the Causes and Prevention of Violence, 1969.
- I4. Gurr, Ted R., 'Psychological Factors in Civil Strife', dalam World Politics, XX, January, 1968.
- I5. Gurr, Ted R., 'Why Men Rebel', New Jersey, Princeton University Press, 1970.
- I6. Laswell, Harold dan Abraham Kaplan, 'Power and Society: A Framework for Political Inquiry', New Haven, Yale University Press, 1950.
- I7. Merton, Robert K., 'Social Theory and Social Structure', New York, The Free Press, 1957.
- I8. No. Matrik 2I578, 'Kajian Mengenai Sikap Terhadap Pekerjaan, Nilai, Aspirasi, Alienation dan Relative Deprivation Pekerja-pekerja Wanita Sebuah Kilang Letronik'; Latihan Ilmiah Untuk Memenuhi Ijazah Sarjana Muda Sastera Dalam Antropologi dan Sosiologi, 1975.
- I9. Runciman, W. G., 'Relative Deprivation and Social Adjustments: A Study of Attitude to Social Inequality in 20th Century England', Penguin Books, 1972.
20. Wolfgang, Marvin E. and Franco Ferracuti, 'The Sub-Culture of Violence: Toward an Integrated Theory in Criminology', London, Tavistock, 1967.